



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 145]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 176]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 177]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN,
S.P.M.J. (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD.
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DATUK HAJI ABDUL GHANI
GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.D.K.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD,
S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O.T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIANG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).

- Yang Berhormat TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).

Yang Berhormat RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).

- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA DEWAN RAKYAT

Khamis, 1hb April, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PASARAN BERSAMA ASEAN

1. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menubuhkan sebuah Pasaran Bersama ASEAN dan Kemajuan yang telah dicapai oleh negara-negara anggota berkenaan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, negara-negara ASEAN belum lagi berhasrat untuk menubuhkan Pasaran Bersama ASEAN. Walau bagaimanapun, negara-negara ASEAN telah bersetuju untuk mengambil beberapa langkah bagi mengeratkan kerjasama dalam bidang ekonomi, antara lainnya, melaksanakan Peraturan-peraturan Keutamaan Perdagangan atau Preferential Trading Arrangements. Sekim ini akan meliputi bahan-bahan keperluan asas seperti bahan makanan dan tenaga serta keluaran dari projek-projek perindustrian ASEAN yang didirikan kelak. Cara-cara perlaksanaan Sekim ini akan seterusnya dikaji secara teliti oleh negara-negara ASEAN.

RANCANGAN TANAH BAGI BUMI-PUTRA

2. Tuan Lukman bin Abdul Kadir (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai pemohon Bumiputra yang membuat permohonan untuk menyertai rancangan tanah, mendapatkan pinjaman dan lain-lain telah dirujukkan permohonannya kepada berbagai-bagai Jabatan dan jawapan

yang diterima dari pihak yang berkenaan selalunya lambat dan jika sedar, apakah langkah-langkah yang dijalankan untuk membaiki keadaan ini.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya tidak faham maksud soalan ini. Saya bersedia berjumpa dengan Yang Berhormat untuk mengetahui maksud yang sebenar selepas ini.

SEKOLAH MENENGAH, JINJANG

3. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar kawasan Jinjang, Kepong Baru, Taman Kepong dan Desa Jaya mempunyai sebuah Sekolah Menengah untuk hampir 100,000 penduduk; dan
- (b) adakah Kementerian beliau mempunyai rancangan untuk membina sekolah menengah bagi murid-murid di tempat tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya Ahli Yang Berhormat itu ada sedikit behind time. Setahu saya terdapat tiga (3) buah sekolah menengah di kawasan-kawasan yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan di samping itu Kementerian Pelajaran sememangnya mempunyai rancangan untuk membina sebuah lagi sekolah menengah baru di kawasan tersebut.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui ada kesilapan saya menulis di dalam pertanyaan ini mengenai sebuah sekolah menengah tetapi saya berpendapat cuma ada dua buah sekolah menengah di tempat yang disebutkan oleh saya iaitu di Jinjang Utara dan satu di Kepong. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu kepada Dewan ini sekolah menengah yang ketiga letaknya di mana?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sekolah yang ketiga yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Batu berhampiran dengan Kepong juga dalam kawasan Ahli Yang Berhormat itu. Saya ingin menyebutkan sebuah lagi sekolah menengah akan dibina dalam kawasan itu juga iaitu di Kepong Baru. Tetapi oleh kerana masaalah tapak tanah belum dapat diselesaikan lagi maka rancangan itu sampai hari ini belum dapat dilaksanakan. Saya berharap dengan jasa baik Ahli Yang Berhormat itu boleh menolong Kementerian saya supaya berunding sedikit-sebanyak dengan tuan punya tanah itu oleh kerana ia menyebutkan harga tanah itu lebih kurang 5 ringgit satu kaki persegi. Ianya sangat mahal kalau kita hendak mengambil tanah itu untuk pembinaan sekolah ini. Saya harap Ahli Yang bagi barang-barang yang diexport oleh Berhormat boleh bekerjasama berunding dengan tuan punya tanah itu supaya rancangan ini dapat dilaksanakan dengan segera.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu macam pujuk rayunya, masih ada soalan tambahan jugakah? (*Ketawa*)

Dr Tan Chee Khoon: Ada soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak memberitahu kepada Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa saya memang boleh bekerjasama dan saya sentiasa akan bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran tentang pendidikan kanak-kanak di sana. Tetapi beliau menyatakan bahawa Kementeriannya akan membina sebuah sekolah menengah kalau tidak salah saya di Kepong Baru, tetapi adakah beliau sedar di Desa Jaya ataupun di Taman Kepong ada tanah dikhususkan untuk kegunaan pelajaran. Saya akan berhubung dengan tuan punya tanah di Kepong Baru untuk mengurangkan harga tanah itu kepada Kementerian Pelajaran. Kalau sekiranya dapat tanah dan tidak boleh bayar harga seperti yang disebutkan di Kepong Baru itu, mengapakah Kementerian Pelajaran tidak menyasiat kemungkinan Kementeriannya membina sekolah menengah di Desa Jaya atau di Taman Kepong?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kita memang ada rancangan untuk membina sebuah sekolah rendah di Desa Jaya tetapi oleh kerana di Kawasan Kepong

itu sangat luas, kita juga tetap akan untuk membina sebuah sekolah menengah di kawasan itu. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat oleh kerana jasa baiknya sentiasa menolong Kementerian saya. Insya Allah rancangan itu akan berjaya. (*Ketawa*)

RINGGIT MALAYSIA —TUKARAN LUAR

4. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kerajaan sedar tentang kerumitan yang dialami oleh orang ramai untuk menukar ringgit Malaysia di luar negeri (termasuk Singapura) dan juga ringgit Malaysia mendapat nilai yang lebih rendah, dan jika ya, apakah tindakan Kerajaan bercadang hendak ambil dalam perkara ini.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa orang ramai mengalami kesulitan untuk menukar matawang ringgit dengan matawang-matawang lain semasa mereka berada di luar negeri. Keadaan ini walau bagaimanapun tidak sepatutnya menimbulkan kebimbangan kerana bank-bank ini di luar negeri tidak semestinya menerima matawang-matawang yang tidak sah diperlakukan di dalam negara mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sedikit sahaja matawang selain daripada dollar Amerika yang diterima di luar negara yang mengeluarkan matawang itu. Warganegara Malaysia yang ingin melawat negara-negara asing mestilah membeli keperluan matawang asing daripada bank-bank perdagangan atau penukar wang yang berlesen di Malaysia sebelum mereka pergi. Ahli Yang Berhormat adalah diingatkan bahawa warganegara Malaysia tidak diizinkan di bawah peraturan sekarang untuk membawa keluar atau membawa masuk ke dalam negara Malaysia lebih daripada \$1,000 wang Malaysia.

Apa yang telah dinyatakan oleh Kerajaan pada 27hb September tahun lepas, Kerajaan tidak lagi khuatir tentang nilai ringgit berbanding dengan tiap-tiap matawang asing. Apa yang dikira sekarang adalah nilai ringgit berbanding dengan sekumpulan matawang negara-negara yang membuat perniagaan terbesar dengan Malaysia. Semenjak bulan September tahun lepas Bank Negara telah memelihara nilai ringgit yang stabil terhadap kumpulan matawang tersebut.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Kewangan memberitahu Dewan ini apa tindakan yang Kementerian beliau telah ambil untuk mendapatkan nilai-nilai yang sama antara ringgit Malaysia dengan dollar Singapura?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan sebentar tadi kita tidak lagi hendak membandingkan nilai-nilai matawang kita, nilai-nilai ringgit Malaysia, dengan matawang Singapura atau dollar Singapura. Tetapi langkah-langkah sedang diambil oleh kerana ini adalah mengenai dengan keadaan ekonomi, umpamanya nilai matawang kita telah tidak begitu kuat pada pertengahan bulan Januari, 1976. Ini adalah disebabkan oleh kerana pendapatan kita daripada export telah berkurangan disebabkan kemerosotan ekonomi dunia dan juga oleh kerana harga bagi barang-barang yang diekspot oleh negara kita juga telah jatuh.

Selain daripada itu, bagi Singapura pula, mengikut laporan yang diterima, adalah diketahui bahawa banyak wang telah dibawa masuk hasil daripada penarikan keluar modal dari Indo-China selepas peperangan di sana dan ini telah menyebabkan penguatan matawang Singapura itu.

BANJIR MENGGUNAKAN POTENSI SUNGAI PAHANG/KELANTAN

5. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan samada kajian sedang dibuat untuk menggunakan potensi Pahang dan Sungai Kelantan untuk mencegah berlakunya banjir semasa musim hujan, membekalkan air semasa musim kemarau dan tenaga kuasa kepada perusahaan-perusahaan.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, semenjak harga minyak telah naik empat kali ganda dalam tahun 1974, Lembaga Letrik Negara telah memesatkan pembangunan kuasa haidro di Semenanjung Malaysia. Beberapa tempat telah didapati yang mana mungkin dapat dimajukan untuk menggunakan air dari sungai-sungai yang ada untuk punca tenaga letrik. Di antara sungai-sungai ini ialah Sungai Pahang dan Sungai Kelantan yang dijangka

boleh digunakan untuk pembangunan bukan sahaja untuk mengeluarkan tenaga tetapi juga digunakan untuk mengawal banjir, perairan dan juga membekalkan air bersih.

Di Sungai Pahang, empat tempat yang mempunyai keupayaan penampungan air, iaitu Tembeling, Tekai, Maran dan Ulu Telom dan kawasan-kawasan berhampirannya telah dianggap mempunyai potensi untuk pembangunan. Pada masa sekarang kajian kemungkinan (*feasibility study*) di Sungai Tembeling telah dijalankan. Kerajaan dan Lembaga Letrik Negara sedang mengkaji laporan kajian ini.

Di Sungai Kelantan dan kawasan-kawasan yang berhampiran, tiga tempat yang mempunyai keupayaan penampungan air telah dijumpai, iaitu Sungai Pergau, Nenggiri dan Lebir. Sebuah firma Jurutera-jurutera Perunding dari New Zealand pada masa sekarang sedang menjalankan penyelidikan di Sungai Kelantan ini. Langkah-langkah juga sedang diambil untuk mengemaskini kajian kemungkinan yang dijalankan ke atas Projek Pergau dalam tahun 1969 dengan tujuan menilai semula menafaati ekonomi projek tersebut.

TUDUHAN RASUAH KEPADA DATUK HARUN IDRIS/RISDA

6. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- (a) bilangan pegawai-pegawai B.S.N. yang telah dan sedang terlibat dalam penyiasatan;
 - (i) tuduhan-tuduhan rasuah ke atas Datuk Harun Idris;
 - (ii) tuduhan-tuduhan rasuah dalam RISDA;
- (b) langkah-langkah yang sedang diambil untuk menambahkan bilangan pegawai-pegawai penyiasatan B.S.N. yang kini berkurangan kakitangan dan pegawai ini bertambah buruk pula apabila terdapat kes-kes besar di mana pegawai-pegawai B.S.N. dari seluruh negara terpaksa ditugaskan untuk menyiasatnya dan seterusnya menghalang operasi-operasi biasa B.S.N.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua kes ini akan dibicarakan dalam Mahkamah tidak berapa lama

lagi. Oleh itu sebarang keterangan berkaitan dengan kes-kes tersebut adalah tidak wajar dan tidak boleh kita bincangkan sebelum perbincangan-perbincangan itu selesai kelak.

(b) Tindakan sedang diambil sekarang untuk menambah pegawai-pegawai dan kakitangan Biro Siasatan Negara sesuai dengan bertambahnya kerja-kerja dan tugas Biro Siasatan Negara dan juga dengan kebolehan Kerajaan menampung tambahan perbelanjaan itu.

RUMAH-RUMAH SETINGGAN

7. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa berkembangnya rumah-rumah setinggan di kawasan-kawasan sesak dalam bandar dan kampung-kampung akan menimbulkan keadaan yang tidak sihat dan jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil; dan
- (b) samada beliau sedar bahawa selain dari rumah-rumah didirikan untuk tempat kediaman, bengkel-bengkel membaiki kereta serta kedai-kedai runcit telah juga didirikan di kawasan-kawasan tersebut dan jika sedar, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencegah keadaan ini.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya sedar dengan hal ini. Beberapa tindakan secara langsung atau secara tidak langsung sedang diambil, di antaranya:

Kementerian saya sedang memperingkatkan usaha-usaha penyusunan semula penguasa-penguasa tempatan di seluruh Semenanjung Malaysia dengan memberi galakan dan nasihat yang wajar kepada Pihakberkuasa-pihakberkuasa Negeri. Usaha-usaha penyusunan semula ini akan melibatkan percantuman dan pengeluaran sempadan-sempadan penguasa tempatan yang ada sekarang untuk meliputi kawasan-kawasan di pinggir-pinggir bandar dan tanah-tanah kampung. Dengan cara begini maka dapatlah kelak kawasan-kawasan itu disediakan dengan kemudahan-ke-

mudahan asas dan lain-lain kemudahan yang hanya didapati di bandar-bandar. Pembangunan ekonomi dan sosial kawasan-kawasan itu akan juga dilaksanakan akan tetapi proses ini akan mengambil masa. Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang lain akan terus mengatur dan melaksanakan rancangan-rancangan membandarkan kawasan-kawasan luar bandar dengan membawa segala kemudahan bandar ke kawasan-kawasan itu dan menubuhkan pusat-pusat perusahaan baharu di situ.

Sementara itu, dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, setinggan-setinggan yang sedang tinggal di bandar-bandar akan ditempatkan semula dengan beransur-ansur di rancangan-rancangan rumah murah dan di kawasan-kawasan yang bersih, sihat, teratur dan lengkap dengan segala kemudahan.

- (b) Dalam rancangan penempatan semula setinggan-setinggan ini, pertimbangan akan diberi bagi penempatan semula bengkel-bengkel membaiki kereta dan kedai-kedai runcit itu di tempat-tempat yang lebih sesuai oleh penguasa-penguasa tempatan berkenaan dengan kerjasama Pejabat-pejabat Tanah.

MAKANAN HALAL DALAM TIN

8. Tuan Haji Jamil bin Ishak minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah kejayaan telah dicapai untuk meyakinkan orang-orang Islam di negara ini mengenai barang-barang makanan dalam tin yang dilabelkan ditanggung halal seperti daging ayam, daging lembu, daging kambing dll.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian saya tidak dapat dan payah memastikan sejauh mana kejayaan telah dicapai untuk meyakinkan orang-orang Islam di negara ini mengenai barang-barang makanan dalam tin yang dilabelkan dengan ditanggung halal seperti daging ayam, daging lembu, daging kambing dan lain-lain. Hingga sekarang ini tidak ada aduan-aduan yang diterima oleh Kementerian mengenai perkara ini dari orang ramai. Walau bagaimanapun,

jika ada barang-barang makanan dalam tin seperti yang tersebut dilabel ditanggung halal tetapi didapati tidak mematuhi syarat-syarat seperti yang terkandung dalam Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan "Halal"), 1975, tindakan Mahkamah akan diambil terhadap orang yang menggunakan label "Halal" itu. Pegawai-pegawai Bahagian Penguatkuasa sentiasa menjalankan pemeriksaan di kilang-kilang, rumah-rumah sembeleh dan di kedai-kedai makanan untuk menentukan peruntukan-peruntukan di bawah Perintah tersebut dipatuhi oleh pihak-pihak yang berkenaan.

PEKERJA WANITA—KEGUNAAN TENAGA

9. Dr Hee Tien Lai minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kementerian beliau bercadang menggunakan tenaga-tenaga pekerja wanita dengan memberi galakan seperti mengadakan industri-industri ringan di kawasan perumahan; mengadakan tempat-tempat khas untuk menjaga anak-anak semasa ibu bekerja ("creche") dan juga selanjutnya pindaan ke atas Akta Cukai Pendapatan yang memberi munafaat kepada pekerja-pekerja wanita itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua maklum bilangan pekerja-pekerja wanita yang bekerja di industri-industri telah bertambah dari semasa ke semasa. Bahkan di setengah-setengah tempat terdapat kekurangan tenaga buruh wanita untuk diambil bekerja seperti di perusahaan letronic dan textile. Oleh yang demikian tidak perlulah diberi apa-apa galakan kepada pekerja-pekerja wanita bagi menarik mereka untuk bekerja.

UNDANG-UNDANG HAKCIPTA

10. Tuan Azahari bin Md. Taib minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) samada Kerajaan berpuashati dengan undang-undang Hakcipta yang ada sekarang serta perlaksanaannya;
- (b) samada Kerajaan sedar bahawa masih terdapat rompakan mencetak karya-karya sastera yang dijadikan buku-buku teks pada awal tahun 1976 dan

buku-buku ini dijual dengan sebebasnya, jika ya, apakah tindakan-tindakan ini telah diambil dalam perkara ini; dan

- (c) samada Kerajaan berpendapat bahawa perlindungan patut diberi ke atas karya-karya sastera Malaysia di kalangan antarabangsa, dan jika ya, samada Malaysia akan menimbang menjadi ahli dalam mana-mana badan hakcipta antarabangsa.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Undang-undang Hakcipta yang ada sekarang ini adalah mencukupi untuk memberi perlindungan kepada karya-karya yang dihasilkan oleh rakyat Malaysia berhubung dengan perlaksanaannya. Pencipta-pencipta yang karya mereka dirompak adalah juga bertanggungjawab untuk membawa perkara pelanggaran dan rompakan karyanya kepada pengetahuan pihak polis yang akan menjalankan penyiasatan ataupun jika mereka berkemampuan membuat tindakan ke Mahkamah sebagai Kes Civil.
- (b) Setakat ini saya tidak mendapat maklumat tentang adanya rompakan mencetak karya-karya sastera yang dijadikan buku-buku teks pada awal tahun 1976, kerana belum lagi ada aduan atau lapuran diberi kepada bahagian yang berkenaan di Kementerian Perdagangan dan Perusahaan tentang adanya berlaku perkara ini. Sekiranya ada benar perkara ini berlaku sebagaimana yang dinyatakan, tentulah pengarang-pengarang buku-buku tersebut telah membawanya ke pengetahuan polis. Dan kalau dibawa tindakan sewajarnya akan diambil di bawah undang-undang yang berkenaan.
- (c) Kerajaan berpendapat sememangnya perlindungan patut diberi terhadap karya-karya Malaysia di peringkat antarabangsa dan Malaysia sememangnya bertujuan untuk menjadi ahli sesuatu badan hakcipta antarabangsa jika difikirkan sesuai dan perlu. Dengan itu kita memerhati atas pergolakan dalam perkara ini, kalau sekiranya didapati perlu dan menguntungkan bagi

pihak kita, kita akan menjadi ahli kepada satu badan hakcipta antara-bangsa.

KELAS TADIKA

11. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar hampir semua sekolah yang menjalankan kelas tadika mengambil murid-murid barunya untuk darjah satu daripada murid-murid yang belajar di kelas-kelas tadika mereka dan ini telah menimbulkan rasa kegelisahan di kalangan ibubapa-ibubapa yang miskin kerana mereka tidak mampu menghantar anak-anak mereka menghadiri kelas-kelas tadika.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tetapi apa yang saya sedar ialah kemasukan murid-murid baru ke darjah satu adalah diuruskan oleh Jabatan Pelajaran Negeri dan bukannya oleh guru-guru besar sekolah-sekolah atau sesiapa pun yang berkenaan. Izinkan saya tegaskan di sini bahawa tadika adalah institusi-institusi persendirian. Kemasukan murid-murid ke darjah satu di satu-satu sekolah mestilah mendapat kebenaran yang terdahulu dari Jabatan Pelajaran Negeri.

PERKHIDMATAN KERETAPI TAMBAHAN KUALA LUMPUR/SEREMBAN

12. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau berpuashati dengan sambutan yang diterima daripada orang awam terhadap perkhidmatan keretapi tambahan yang diperkenalkan di antara Kuala Lumpur/Seremban dan samada beliau akan menimbang untuk memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih baik dan pantas kepada para pengguna.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, sambutan orang ramai terhadap perkhidmatan train commuter yang dimulakan pada 26hb Februari tahun ini adalah didapati menggalakkan dari segi bertambahnya penumpang-penumpang dari sehari ke sehari. Satu usaha untuk memperbaiki lagi perkhidmatan ini sedang dijalankan iaitu untuk menempatkan train-train ini ke stesyen lama di Jalan Sultan bagi memberi lebih lagi kemudahan kepada orang-orang awam untuk menaikinya.

Pihak Pentadbiran Keretapi juga telah menjalankan satu kempen bagi mendapatkan buah fikiran orang-orang awam yang menggunakan perkhidmatan ini semoga perkhidmatan train-train yang ada sekarang ini dapat diperbaiki lagi mutu khidmatnya mengikut kehendak orang awam yang berulang alik di antara Seremban dan Kuala Lumpur.

MINYAK TANAH KEKURANGAN DI JOHOR BAHRU

13. Tuan Haji Jaafar bin Hamzah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa terdapat banyak tempat di dalam bandar Johor Bahru di mana minyak tanah selalu tidak mencukupi sungguhpun kenaikan harga telahpun dipersetujukan oleh Kementerian beliau; dan
- (b) jika sedar, nyatakan samada beliau boleh memberi jaminan bahawa bekalan minyak tanah di dalam daerah Johor Bahru tidak akan terputus pada masa hadapan.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya sedar bahawa terdapat beberapa tempat di Johor Bahru yang telah mengalami kekurangan bekalan minyak tanah baru-baru ini. Walau bagaimanapun beberapa siasatan serta-merta telah dijalankan ke atas pemborong-pemborong dan peruncit-peruncit minyak tanah di seluruh negeri Johor selepas diumumkan harga baru, dan hasil penyiasatan tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan daripada pengedar-pengedar yang disiasat itu ada mempunyai bekalan minyak tanah yang mencukupi. Mereka telah tidak mengalami kekurangan lagi saya dimaklumkan sejak kenaikan harga telah dipersetujukan pada 17-2-1976.
- (b) Kementerian saya telahpun mengambil beberapa langkah seperti mengenakan syarat-syarat khas ke atas pengedar-pengedar minyak tanah untuk memastikan bekalan sentiasa ada dan juga tindakan-tindakan di bawah undang-undang Akta Bekalan, 1961 telah diambil ke atas peniaga-peniaga yang melakukan kesalahan. Dengan adanya

langkah-langkah seperti ini Kementerian saya yakin bekalan minyak tanah tidak akan terputus pada masa-masa yang akan datang.

Tuan S. Samy Vellu: Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar ada kedai-kedai runcit di luar bandar yang menjual minyak tanah tidak lebih daripada dua botol kepada pembeli? Jika ia, apakah tindakan yang akan diambil atas penjualan-penjualan itu?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Saya berterima kasih kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat memberi kenyataan atau lapuran kepada saya tentang adanya berlaku perkara ini kerana saya telah memberi kenyataan tegas bahawa kalau ada orang-orang yang tidak mahu menjualkan minyak pada masa ini dengan adanya bekalan yang mencukupi tindakan sewajarnya akan diambil terhadap mereka.

PETANI-PETANI PADI HUMA

14. Dr Tan Chee Khoo (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan apakah rancangan-rancangan tertentu Kementerian beliau telah adakan untuk menolong petani-petani padi huma luar bandar untuk mendapat lebih banyak hasil daripada tempat bercucuk tanam mereka dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak mempunyai sebarang rancangan berkenaan dengan penanaman padi huma dan tidak menggalakkan penanaman padi huma kerana hasilnya adalah tersangat rendah daripada padi sawah iaitu tidak seimbang dengan tenaga menguruskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Stephen Robert Evans. Tidak hadir.

(*Soalan No. 15. Yang Berhormat Tuan Stephen Robert Evans tidak hadir.*)

PERUSAHAAN MOTOR—PENYERTAAN BUMIPUTRA

16. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

(a) samada Kementerian sedar bahawa banyak firma-firma swasta tidak memberi peluang kepada kaum Bumiputra

menyertainya terutama sekali firma-firma yang berkaitan dengan perusahaan motor yang hanya ada 1% penyertaan dari kaum Bumiputra; dan

(b) bilangan Pam Minyak yang akan diluluskan kepada Bumiputra memandangkan bahawa bilangan Pam Minyak Bumiputra sekarang ini adalah kecil.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Nampaknya pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat ini adalah terlalu luas dari segi penyertaan iaitu modal, pembahagian, gunatena dan lain-lain dan jika ini tujuannya, sukalah saya menyatakan iaitu penyertaan Bumiputra di dalam semua bidang-bidang tersebut sehingga masa ini adalah tidak sebagaimana dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat 1% tetapi adalah lebih daripada 1%. Ini dapat dilihat daripada kemajuan yang telah dicapai semenjak tahun 1973 hingga 1975.

Kemajuan yang telah dicapai oleh Bumiputra dalam bidang pengedaran motosikal, motokar dan lori hanya dapat dilihat jika perbandingan dibuat terhadap kedudukan penyertaan Bumiputra dalam tahun 1973 dengan tahun 1974. Pada tahun 1973 terdapat 53 pengedar dan 571 wakil penjual bukan Bumiputra yang menjadi wakil penjual syarikat-syarikat pengedar motosikal di negara kita. Berhubung dengan penyertaan Bumiputra pula pada tahun 1973 terdapat sejumlah 9 pengedar dan 38 wakil penjual Bumiputra. Bilangan ini telah dapat ditambah pada tahun 1974 di mana terdapat 30 pengedar dan 101 wakil penjual Bumiputra. Kedudukan penyertaan Bumiputra telah dapat diperbaiki juga dalam tahun 1975 di mana terdapat 35 pengedar dan 110 wakil penjual Bumiputra.

Berhubung dengan penyertaan Bumiputra dalam pengedaran motokar dan lori pula, pada tahun 1974 terdapat 20 wakil penjual Bumiputra berbanding dengan 103 wakil penjual bukan Bumiputra yang menjalankan usaha untuk menjual kereta-kereta di Semenanjung Malaysia. Kedudukan penyertaan Bumiputra telah dapat diperbaiki lagi dalam tahun 1975 di mana terdapat 68 wakil

penjual Bumiputra berbanding dengan 105 wakil penjual bukan Bumiputra di Semenanjung Malaysia.

- (b) Pada tahun 1974 terdapat sejumlah 1,097 buah stesyen minyak di Semenanjung Malaysia dan dari bilangan ini hanya 129 buah stesyen minyak sahaja dimiliki oleh Bumiputra. Jumlah ini meliputi 11.7% daripada jumlah stesyen minyak di Semenanjung Malaysia. Bilangan stesyen minyak yang dimiliki oleh syarikat Bumiputra telah dapat ditambah sebanyak 12 dalam tahun 1975 dan ini telah menjadikan jumlah stesyen minyak Bumiputra kepada 141 berbanding dengan 912 stesyen minyak yang diusahakan oleh bukan Bumiputra.

Syarikat-syarikat minyak belum lagi menyatakan kepada Kementerian ini bilangan stesyen minyak yang akan dibina di masa yang akan datang. Memandangkan hal yang demikian Kementerian ini tidak dapatlah memberi bilangan stesyen minyak yang akan dibina dan seterusnya diberi kepada Bumiputra. Walau bagaimanapun patut dinyatakan bahawa Kementerian ini telah meminta syarikat-syarikat minyak untuk melantik syarikat-syarikat Bumiputra untuk menjadi peraih (operator) stesyen minyak yang akan dibina di masa yang akan datang.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bercadang untuk menentukan quota bagi stesyen-stesyen minyak ini khusus kepada bumiputra mendapatkannya? Umpamanya, membuat peraturan mengadakan quota bagi membolehkan bumiputra memiliki atau menjalankan perusahaan menjual minyak.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Kementerian menerusi Bahagian Penyerahan Bumiputra adalah mengadakan perundingan (perbincangan) dengan firma-firma syarikat minyak di mana mereka diminta membentangkan Kertas Kerja menyatakan rancangan masa depan mereka untuk melebihi banyakkannya lagi bilangan bumiputra terlibat di dalam perniagaan sebagai operator stesyen minyak. Dan apabila Kertas-kertas Kerja ini siap dilapurkan kepada Kementerian dapatlah kita mengesan dengan

pastinya pembahagian quota-quota yang tertentu kepada bumiputra supaya dapat terlibat dalam bidang perdagangan ini.

ASRAMA UNTUK ANAK-ANAK TENTERA

17. Tuan Shamsuri bin Md. Salleh minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilakah masanya hendak didirikan asrama-asrama untuk kemudahan pelajaran anak-anak anggota tentera kita; dan
- (b) bilangan anak-anak tentera yang sedang menuntut di Instituti Teknologi MARA dan di Universiti-universiti.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pembinaan asrama-asrama bagi anak-anak anggota angkatan tentera telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga. Kerja-kerja membina asrama-asrama akan dimulakan apabila sahaja segala butir-butir diperseetujui khasnya mengenai tapak-tapak untuk asrama-asrama tersebut;
- (b) Saya tidak dapat memberi data-data yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana untuk masa ini Kementerian Pelajaran tidak mengumpulkan data-data mengenai bilangan penuntut di Instituti Teknologi MARA dan universiti-universiti berdasarkan kepada jenis pekerjaan bapa atau penjaga mereka.

PEMBINAAN BANGUNAN-BANGUNAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DI SABAH

18. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk O. K. K. Haji Asneh minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan terhadap bangunan-bangunan sekolah menengah kebangsaan yang baru di Gadong, Kota Klias, Limbawang, Weston, Menumbok dan Beaufort akan dimulakan memandangkan bahawa penuntut-penuntut sekolah menengah pada masa sekarang terpaksa menghadiri kelas di bangunan-bangunan sekolah rendah kebangsaan lebih-lebih lagi penuntut-penuntut seramai 450 orang dari Sekolah Menengah Kebangsaan Gadong.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, tender bagi pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Weston telahpun dikeluarkan, oleh itu kerja-kerja pembinaan adalah dijangka dimulakan tidak berapa lama lagi.

Cadangan untuk membina dua buah sekolah menengah Kerajaan yang berasrama bagi Daerah Beaufort di Gadong dan Limbawang masing-masing telahpun dimasukkan dalam Rancangan Pembangunan Malaysia Ketiga.

Memandangkan bilangan murid-murid yang terlalu kecil di Kota Klias dan Menumbok, Kerajaan tidak dapat menimbangkan pembinaan sebuah sekolah menengah yang berasing di tempat-tempat itu. Saya rasa sekolah menengah Kerajaan di Kuala Penyu yang sekarang sedang dibina dan juga pembinaan dua sekolah-sekolah menengah berasrama yang dicadangkan di Gadong dan di Limbawang akan dapat menampung murid-murid dari kawasan-kawasan Menumbok, Kota Klias dan juga Pekan Beaufort.

SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH RENDAH DI KELANTAN

19. **Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta Menteri Pelajaran menyatakan sejak Rancangan Malaysia Kedua dilancarkan berapa bilangan sekolah-sekolah menengah rendah di Kelantan yang telah dijadikan Sekolah Menengah Penuh dan nyatakan nama sekolah-sekolah itu.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Sejak Rancangan Malaysia Kedua dilancarkan sebanyak 11 buah sekolah menengah rendah di Kelantan telah dijadikan sebagai Sekolah Menengah Penuh.

(b) Nama-nama sekolah yang telah dijadikan Sekolah Menengah Penuh itu adalah seperti berikut:

1. Sekolah Menengah Banggol, Kota Bharu.
2. Sekolah Menengah Bukit Jawa, Pasir Puteh.
3. Sekolah Menengah Bunut Susu, Pasir Mas.

4. Sekolah Menengah Long Gaffar, Kota Bharu.
5. Sekolah Menengah Machang, Machang.
6. Sekolah Menengah Tok Janggut, Pasir Puteh.
7. Sekolah Menengah Salor, Kota Bharu.
8. Sekolah Menengah Kota Bharu, Kota Bharu.
9. Sekolah Menengah Puteri, Kota Bharu.
10. Sekolah Menengah Kota, Kota Bharu.
11. Sekolah Menengah Tok Uban, Pasir Mas.

Dan juga, Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi maklumat kepada Ahli Yang Berhormat itu, sekolah menengah penuh yang dibuka pada 1hb Januari, 1976 ialah:

1. Sekolah Menengah Semerih, Pasir Puteh.
2. Sekolah Menengah Chabang Empat, Tumpat.

KEMPEN ANTI-SOROK

20. **Tuan Haji Jamil bin Ishak** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kejayaan yang telah dicapai setakat ini semenjak perlaksanaan secara besar-besaran kempen anti-sorok di negara ini dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian ini dalam perkara ini, samada Kerajaan berpuashati dengan kejayaan yang dicapai dan dengan tindakan yang diambil, dan jika tidak, apakah langkah-langkah tegas yang akan diambil oleh Kementerian dalam perkara ini.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, kempen anti-sorok telah dilaksanakan pada 1-3-74 dengan tujuan memastikan bahawa orang ramai dapat bekalan barang-barang keperluan seperti biasa dengan harga yang munasabah. Sejak kempen itu dilaksanakan bekalan barang-barang keperluan sentiasa didapati mencukupi di semua peringkat daripada pengedar-pengedar sehingga pengguna-pengguna kecuali minyak tanah yang didapati kurang di masa-masa yang lepas kerana beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan tetapi bukan kerana disorok. Di antara kejayaan-kejayaannya, kempen tersebut telah

mengurangkan spekulasi di antara pihak-pihak peniaga barang-barang keperluan dan setok barang-barang keperluan tidak disimpan dengan berlebihan lagi, kekurangan "artificial" barang-barang tersebut telah juga diatasi dan bekalan dan harga barang-barang dapat ditentu dan distabilkan.

Pada 1-6-74 kempen tersebut telah dilanjutkan lagi dengan menubuhkan Jawatankuasa Kempen Anti-Sorok di peringkat Negeri sebagai peringkat (phase) yang kedua kempen tersebut dan buat masa sekarang semua negeri-negeri ada jawatankuasa masing-masing kecuali negeri Sarawak. Ini membolehkan Kementerian ini mengambil tindakan dengan cepat atas aduan orang ramai.

KENAIKAN HARGA MINYAK PETROL

21. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapa Kerajaan telah membenarkan kenaikan harga minyak petrol, minyak diesel dan minyak tanah; mengapa persatuan-persatuan pengguna tidak dihubungi sebelum keputusan muktamad dibuat dan samada benar atau tidak syarikat-syarikat minyak telah berjanji bahawa mereka tidak akan meminta supaya harga minyak dinaikkan lagi jika negara-negara OPEC menaikkan harga minyak mereka sebagaimana yang dijangka pada tahun ini.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan setelah mengkaji dengan mendalam permohonan-permohonan bagi satu pengkajian semula harga-harga bahan-bahan petroliaam telah berpuas hati bahawa terdapat alasan yang munasabah untuk menaikkan harga-harga bagi bahan-bahan tersebut kerana kenaikan harga-harga petroliaam mentah oleh negara-negara OPEC. Dalam membenarkan kenaikan-kenaikan itu pihak Kerajaan adalah juga mengambil pertimbangan ke atas kesan-kesan sosio-ekonomi bagi mana-mana kenaikan harga, dan juga kenaikan-kenaikan yang minima bagi membolehkan syarikat-syarikat minyak menyelaraskan dengan kenaikan-kenaikan harga petroliaam mentah. Adalah tidak benar syarikat-syarikat minyak telah berjanji bahawa mereka tidak akan meminta supaya harga minyak dinaikkan lagi jika negara-negara OPEC menaikkan harga minyak mereka pada tahun ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah benar bahawa syarikat-syarikat minyak telah berjaya mendesak Kerajaan membenarkan kenaikan harga minyak dengan taktik-taktik kotor semacam membuat dengan sengaja kekurangan bekalan minyak khususnya diesel dan kerosine di masa perundingan dan sebelum keputusan akhir tercapai dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini kenapa Kerajaan membenarkan syarikat-syarikat minyak menggunakan taktik ini oleh kerana selepas kenaikan harga, kekurangan minyak tidak berlaku lagi.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tidak benar, Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada perkara pressure, pendesakan digunakan oleh syarikat-syarikat minyak kepada pihak Kerajaan untuk meluluskan kenaikan harga minyak. Ini adalah berkaitan dengan perkara perdagangan. Jadi sebelum dinaikkan harga minyak ini pihak-pihak yang menjual minyak mendapati bahawa dengan kenaikan harga minyak oleh negara-negara yang mengeluarkan minyak kos pengeluaran minyak mentah mahal, sudah tentu harganya naik juga dengan itu syarikat-syarikat minyak yang mengeluarkan minyak diesel dan minyak gas khususnya dapati bahawa tidak membawa faedah kalau mereka mengeluarkan minyak ini dengan begitu banyak. Jadi dua buah syarikat minyak yang berada di Singapura sebelum itu biasa telah mengimpor banyak minyak, menjual dan mengimpor banyak minyak ke dalam negara kita mendapati bahawa mereka menderita kerugian yang besar kalau diteruskan memproses minyak diesel dan minyak gas, dengan kerana kerugian yang dideritai itu dia tidak memproses minyak itu. Oleh itu minyak gas umpamanya yang di import ke dalam negara kita daripada syarikat-syarikat yang berada di Singapura itu adalah tidak lagi mengeluarkan minyak begitu yang banyak untuk keperluan negara kita.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada satu segi dalam soalan saya Yang Berhormat Menteri tidak menjawab iaitu mengapa sebelum pihak Kerajaan membenarkan kenaikan harga minyak, Persatuan Pengguna-pengguna tidak dihubungi (consulted). Adakah Persatuan Pengguna-pengguna (Consumer Associations, Federation of Malaya) misalnya dihubungi?

Adakah persatuan-persatuan pengguna yang baru di negara kita untuk nama sahaja, tidak ada peranan?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jelaskan pada masa-masa yang lepas persatuan pengguna ada wakilnya menerusi Yang di-Pertua Persatuan Pengguna Persekutuan di dalam Jawatankuasa Kenaikan Harga-harga keperluan di mana beliau diberi kesempatan mengkaji mendengar masaalah berkaitan dengan kenaikan harga tetapi dalam hal ini juga saya sukalah menyatakan bahawa perkara kenaikan harga minyak ini tidaklah boleh dinyatakan kepada semua orang oleh kerana dalam pada kita menjaga supaya jangan perkara kenaikan ini bocor, sebagaimana Tuan Yang di-Pertua maklum sehari sebelum naik harga sudah berpanjang-panjangan (queue) motor di stesyen pam minyak mengisi tangki-nya dengan sepenuh-penuhnya kerana ada kedengaran bahawa kebocoran berita menyatakan harga minyak akan dinaikkan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Bolehkah Menteri berkenaan jelaskan bahawa adakah beliau sedar dan Kerajaan telah mengambil perhatian tentang harga minyak yang dibeli oleh syarikat minyak di tanahair kita iaitu walaupun harga minyak ditetapkan, tetapi ada banyak negara-negara OPEC yang melakukan undercutting. Undercutting itu bukannya kecil perbezaan harganya banyak dan oleh itu harga minyak yang tiba di sini dikurangkan jika dibandingkan dengan harga yang ditetapkan oleh negara-negara OPEC.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dengar perkara undercutting ini.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, maknanya Menteri yang berkenaan tidak membaca surat khabar mengenai Shah Iran menyatakan semua orang undercut dan saya juga mahu turunkan harga minyak. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua yang saya ingin bertanya kepada Menteri berkenaan ialah beliau menyatakan Persatuan Pengguna-pengguna tidak dibawa dalam perundingan ini oleh kerana ada kebocoran atau leak of news. Mengapakah Kementerian tidak boleh dipercayai wakil-wakil daripada Persatuan-persatuan

atau adakah wakil daripada Persatuan-persatuan itu pada masa dahulu telah menunjukkan perbuatan yang mereka tidak boleh dipercayai?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini sudah dijawab tadi dalam jawapan mula-mula.

MURID-MURID SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CHINA) KEPONG—PERTUKARAN

22. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebabnya lebih daripada seratus orang murid-murid di darjah satu di sebuah Sekolah Rendah, Kepong Baru ditukarkan ke Sekolah Rendah lain di Sentul Pasar pada 6hb Januari, 1976; adakah perbuatan ini telah dibantah oleh semua ibubapa tersebut; dan bolehkah beliau memberi jaminan perbuatan seperti ini tidak berlaku lagi dimasa akan datang.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kelambatan dalam pendaftaran memasuki sekolah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Kepong, maka tidak ada tempat yang cukup untuk menampung semua murid-murid yang ingin belajar di sekolah tersebut. Setengah-setengah murid-murid itu terpaksa ditukarkan ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Sentul Pasar dimana tempat memang sedia ada untuk menampung murid-murid yang berkenaan dan sekolah itu jua senang dihubungi oleh kenderaan awam untuk mereka yang tinggal di Kepong Baru. Apabila ibubapa-ibubapa membantah, kedudukan ini telah dikaji semula, dan keputusan telah diambil untuk menempatkan murid-murid berkenaan itu buat sementara waktu pada sebelah petang di bangunan yang dipinjamkan di Sekolah Rendah Kebangsaan Taman Kepong.

Tindakan serta-merta juga telah diambil untuk membina 3 buah bilik darjah tambahan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Kepong dengan bantuan dari Kementerian Pelajaran. Bilik-bilik darjah ini dijangka akan siap pada penghujung penggal persekolahan pertama dan murid-murid yang berkenaan akan ditempatkan di sana secepat mungkin.

Selagi ada kelambatan dalam pendaftaran memasuki sekolah serta pengesahan mengenai tempat belajar, tidak dapat diberi jaminan bahawa perkara ini tidak akan berlaku lagi pada masa depan.

Dalam hal ini saya ingin menyeru semua ibubapa supaya mendaftarkan nama anak-anak mereka untuk memasuki sekolah seawal-awalnya selepas pengumuman dibuat oleh Pengarah Pelajaran Negeri yang berkenaan.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri berkenaan sedar ibubapa murid-murid atau bakal-bakal murid-murid yang ingin belajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) telah diberitahu kepada Kementerian Pelajaran bukan satu tahun barangkali tiga empat tahun awal dahulu. Oleh itu mengapakah Kementerian Pelajaran tidak boleh mengaturkan lebih awal sedikit tempat-tempat yang mencukupi untuk murid-murid yang ingin belajar di dalam Darjah 1.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu barangkali perkara ini tidak timbul. Oleh kerana seperti dalam jawapan saya tadi kelambatan dalam pendaftaran memasuki sekolah oleh ibubapa-ibubapa barangkali banyak berlaku di kawasan lain. Apabila mereka pindah ke kawasan ini maka soal ini akan timbul. Oleh sebab itu saya merayu sekali lagi supaya ibubapa-ibubapa membuat pendaftaran seawal-awalnya bagi membolehkan kita dapat mengaturkan program ataupun tempat-tempat di sekolah masing-masing.

Saya berharap rayuan ini dapat disampaikan kepada ibubapa-ibubapa yang berkenaan.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar baharu tadi dalam jawapan beliau mengatakan buat sementara Menteriannya telah membina 3 Kelas. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan di dalam Dewan ini rancangan untuk membina Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan aliran China untuk tempat yang di sebut oleh saya iaitu Jinjang, Kepong, Kepong Baru, Taman Kepong dan Desa Jaya.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, memang sudah ada rancangan, barangkali dalam jawapan yang akan datang ini soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu akan saya jawab dengan sepenuhnya.

SYARIKAT-SYARIKAT PERNIAGAAN BERDAFTAR

23. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) bilangan syarikat perniagaan persendirian dan perkongsian didaftarkan di negara kita sehingga sekarang dengan memberikan angka-angka pecahan mengikut kaum;
- (b) bilangan syarikat perniagaan sendirian berhad didaftarkan di negara ini dengan memberikan angka-angka pecahan mengikut kaum;
- (c) jumlah bilangan syarikat-syarikat perniagaan yang dimiliki oleh orang-orang asing didaftarkan di negara ini dengan memberikan jumlah pelaburan modalnya; dan
- (d) daripada maklumat (a) dan (b) yang diberi di atas, adakah keadaan ini menunjukkan kejayaan dicapai dalam Dasar Ekonomi Baru Kerajaan berhubung dengan penyertaan Bumiputra di bidang perdagangan dan perusahaan.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah bilangan syarikat perniagaan persendirian dan perkongsian yang didaftarkan di negara kita sehingga 29hb Februari, 1976, mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut:

Melayu	...	...	...	53,116
China	...	...	...	143,780
India	...	...	...	21,763
Lain-lain Keturunan	...	...	...	439
Jumlah Besar:				219,098

- (b) Bilangan syarikat perniagaan sendirian berhad yang didaftarkan di negeri ini

sehingga 31hb Disember, 1975 mengikut angka-angka pecahan kaum adalah seperti berikut:

		<i>Bumi-putra</i>	<i>Bukan Bumi-putra</i>	<i>Jumlah</i>
Syarikat Awam	...	57	123	180
Syarikat Sendirian	...	2,613	13,631	16,244

- (c) Jumlah bilangan syarikat-syarikat perniagaan yang dimiliki oleh orang-orang asing dan yang didaftarkan di negeri ini sehingga 31hb Disember, 1975 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Syarikat Asing yang didaftar	Dalam daftar pada 31hb Disember
1970 ...	27	1,086
1971 ...	37	1,094
1972 ...	29	1,105
1973 ...	20	1,098
1974 ...	27	1,029
1975 ...	14	984

Adalah sukar untuk ditentukan jumlah pelaburan modal syarikat-syarikat ini oleh kerana syarikat perniagaan ini pada mulanya didaftarkan di negeri-negeri mereka yang asal dan pelabur-pelabur hanya dikehendaki mendaftarkan di sini bagi tujuan-tujuan untuk menjalankan perniagaan di negeri ini sendiri.

- (d) Dari maklumat-maklumat dan butir-butir yang ada di Pendaftaran Syarikat dan Perniagaan, didapati sukar untuk mengumpulkan data-data mengenai kemajuan atau pun kemunduran perniagaan-perniagaan kaum Bumiputra semata-mata dari segi banyak peniaga-peniaga yang didaftarkan. Dari segi angka bilangan yang saya telah menyatakan syarikat-syarikat bumiputra yang telah didaftarkan adalah menunjukkan kemajuan dari segi bilangannya.

SETINGGAN DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN

24. Tuan Chian Heng Kai (di bawah S.O. 24

(2)) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada Kementerian beliau sedar bahawa pekebun-pekebun sayur dan penternak-penternak yang telah tinggal di kawasan setinggan dalam Wilayah Persekutuan selama 15 atau 20 tahun yang terlibat dalam projek-projek pembangunan, tidak diberi tempat/tanah

untuk mereka menjalankan perusahaan, jika ya, nyatakan samada Kementerian beliau akan mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk menyediakan tanah kepada mereka ini supaya dapat mereka menyambung kehidupan mereka, jika tidak, kenapa.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad:

Tuan Yang di-Pertua, setakat yang diketahui, setinggan-setinggan samada mereka yang hanya membuat rumah sebagai tempat kediaman ataupun pekebun-pekebun sayur dan penternak-penternak yang terlibat dalam projek-projek pembangunan Kerajaan adalah biasanya dipertimbangkan untuk diberi tempat gantian apabila mereka itu dikehendaki berpindah. Bagi setinggan-setinggan yang difikirkan layak mendapat pertolongan itu mereka ditawarkan rumah-rumah pangsa Dewan Bandaraya jika didapati kosong atau rumah-rumah panjang (transit quarters) sebagai tempat tinggal sementara. Ada pun berkenaan mendapatkan tanah untuk berkebun dan berternak daripada sebarang Kerajaan Negeri maka ianya adalah di luar bidang tugas dan kekuasaan Kementerian ini.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CHINA) DI JINJANG—KEKURANGAN TEMPAT

25. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Pelajaran samada beliau sedar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (aliran China) tidak mencukupi untuk murid-murid di kawasan Jinjang, Kepong Baru, Kepong, Taman Kepong dan Desa Jaya; adakah beliau juga sedar tiada satu pun sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (aliran China) telah dibina dalam 20 tahun yang lampau untuk tempat tersebut; dan apakah tindakan Kementerian akan ambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar. Walau bagaimanapun kekurangan tempat di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (aliran China) di kawasan itu berlaku baru-baru ini sahaja oleh kerana adanya "campaign" supaya ibubapa menghantar anak-anak mereka memasuki sekolah-sekolah rendah aliran China. Saya juga sedar bahawa sejak 20 tahun yang lalu tiada satu sekolah baru pun dibina di tempat tersebut. Ini adalah disebabkan tiada keperluan untuk membina sekolah baru (aliran China) memandangkan sekolah-sekolah yang sedia ada

boleh diberi tambahan bilik-bilik darjah untuk menampung keperluan pelajaran rendah (aliran China) di kawasan tersebut.

Tentulah Ahli Yang Berhormat itu bertanya apakah detail-detail itu, di sini saya sebutkan seperti berikut:

Mengikut rekod Kementerian ini berikut ialah bantuan-bantuan modal yang telah diberi untuk menjalankan beberapa projek-projek di sekolah-sekolah di kawasan itu ialah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China Jinjang Tengah I, Jinjang Tengah II, Jinjang Utara, Jinjang Selatan, Kepong I, Kepong II dan Manjung.

Untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China Kepong I & II, untuk makluman Yang Berhormat barangkali sudah lama dia sudah lupa:

<i>Tahun</i>		<i>Bantuan Modal Yang Diluluskan</i>	
1964	...	\$12,000	Untuk 4 bilik darjah
1967	...	\$ 2,000	Untuk pagar
1968	...	\$12,000	Untuk 3 bilik darjah
1972	...	\$18,000	Untuk 4 bilik darjah
1974 & 1975	...	\$15,000	Untuk tandas

Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China Jinjang Tengah.

<i>Tahun</i>		<i>Bantuan Modal Yang Diluluskan</i>	
1964	...	\$12,000	Untuk 4 bilik darjah

Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China Jinjang Utara.

<i>Tahun</i>		<i>Bantuan Modal Yang Diluluskan</i>	
1964	...	\$ 2,900	Untuk pagar

Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China Jinjang Selatan.

<i>Tahun</i>		<i>Bantuan Modal Yang Diluluskan</i>	
1967	...	\$15,000	Untuk memperbaiki bilik darjah
1972	...	\$ 3,000	Untuk kantin
1975	...	\$20,000	Untuk tandas lelaki dan perempuan

Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China Manjung.

Tahun 1970 tambahan 4 bilik darjah dan Tandas berjumlah \$39,000 telah dibina. Manakala dalam tahun 1973 satu blok Tandas lagi berjumlah \$17,200 telah diluluskan bagi sekolah ini.

Untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Jinjang Utara, projek mengandungi enam bilik darjah, pejabat, setor, bilik guru dan tandas berjumlah \$130,000 telah diluluskan bagi tahun 1974. Kontrek telah dibuat dan kerja-kerja pembinaan dijadualkan bermula pada bulan April, 1976.

Untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Jinjang Tengah, satu projek mengandungi tujuh bilik darjah, perpustakaan, klinik gigi dan tandas juga dianggarkan berjumlah \$125,000 telah diluluskan dan kerja-kerja akan dijalankan setelah pelan-pelan disediakan oleh J.K.R.

Selain daripada projek-projek yang telah saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, kita ada lagi satu rancangan iaitu kita akan membina sebuah sekolah rendah untuk aliran China bertempat di Desa Jaya yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi. Kita berharap mudah-mudahan rancangan ini akan dapat dijalankan kalau tidak ada apa-apa halangan berkenaan dengan tender dan sebagainya, kita akan dapat lebih lagi sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (aliran China) di kawasan Yang Berhormat itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 15 dan No. 26 hingga 31 adalah diberi di bawah ini).

CUKAI IMPOT KE ATAS TRAKTOR

15. Tuan Stephen Robert Evans minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan menimbang mengecualikan cukai impot ke atas traktor dan lain-lain jentera pertanian sebagai satu cara menggalakkan rakyat mengeluarkan lebih banyak makanan untuk mengatasi inflasi dan menyahut Rancangan Buku Hijau Kerajaan dengan sepenuhnya.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Pada masa sekarang adalah kelaziman Perbendaharaan memberi pengecualian duti impot atas semua jentera-jentera pertanian selain dari pembajak kecil. Tetapi pengecualian duti impot ini hanya boleh diberi jika permohonan dibuat. Mengenai jentera pembajak kecil, duti impot yang ada sekarang ialah bertujuan untuk melindungi perusahaan memasang jentera pembajak kecil.

PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN

26. Tuan Stephen Robert Evans minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan menimbang memperuntukkan pelepasan cukai pendapatan kepada rakyat Malaysia bagi perbelanjaan perubatan yang mereka bayar, jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soalan yang sama dalam Dewan ini pada 9hb Julai, 1975 dan jawapan telah diberi. Saya tidak ada apa-apa hendak menambah kepada jawapan yang telah diberi itu.

YAYASAN TUN HAJI ABDUL RAZAK

27. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan hingga sekarang setakat manakah kemajuan-kemajuan yang telah dicapai dalam penubuhan "Yayasan Tun Haji Abdul Razak".

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Penubuhan Yayasan Tun Haji Abdul Razak telah dipersetujui oleh Kerajaan pada 3hb Mac 1976. Persetujuan ini dibuat oleh kerana Kerajaan berpendapat bahawa sebarang usaha untuk memperingati jasa Allahyarham Tun Haji Abdul Razak sepatutnyalah dikendalikan oleh Kerajaan, memandang kepada tarafnya sebagai pemimpin negara dan Perdana Menteri.

Di samping itu beberapa kumpulan lain telah mengambil inisiatif menubuhkan Yayasan Tun Haji Abdul Razak. Di antaranya ialah Kumpulan New Straits Times dan Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Bahasa Malaysia. Kempen pungutan derma oleh New Straits Times telah berjaya mengumpulkan lebih daripada satu juta ringgit. Sementara itu Kementerian Pelajaran telah berunding dengan Kesatuan Guru-guru Bahasa Malaysia dan telah bersetuju mengambil daya usaha utama untuk menubuhkan Yayasan Tun Haji Abdul Razak.

Memandang kepada tujuan yang sama dari semua pihak, Kerajaan berpendapat ada baiknya jika semua usaha menubuh dan mentadbir Yayasan Tun Haji Abdul Razak dicantumkan dan diuruskan oleh Kerajaan. Pihak Peguam Negara sedang berusaha membentuk satu instrument untuk menubuh Yayasan Tun Haji Abdul Razak dan saya diberi faham bahawa Yayasan yang telah

ditubuh oleh pihak New Straits Times tidak keberatan menerima cadangan Kerajaan supaya Yayasan anjuran mereka disatukan dengan Yayasan yang sedang diusahakan oleh Kerajaan.

JALAN DUA HALA DI TANJONG MALIM

28. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan samada beliau sedar oleh kerana keputusan yang dibuat baru-baru ini yang menukarkan jalan dua hala dahulu di Tanjong Malim kepada jalan sehala telah menjejaskan perniagaan peniaga-peniaga dan jika sedar, nyatakan samada beliau akan mengarah supaya jalan sehala yang ujud sekarang itu ditukar kepada jalan dua hala.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Saya sedar tentang apa yang berlaku akibat menukarkan jalan dua hala ke jalan sehala di Tanjong Malim. Setelah menyemak dan meneliti keadaan di pekan itu, Kementerian saya tidak akan mengubah sistem jalan yang ada sekarang demi menjamin keselamatan pengguna-pengguna jalanraya.

RISDA NEGERI PERAK—TUDUHAN RASUAH

29. Tuan Ngan Siong Hing bertanya kepada Menteri Undang-undang samada B.S.N. Perak telah menyelesaikan penyiasatannya terhadap tuduhan rasuah di dalam RISDA Negeri Perak yang melibatkan wang sepuluh juta ringgit.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Haji Abdul Kadir bin Yusof): Siasatan telah selesai dan mereka yang terlibat telah pun ditangkap.

ANGKATAN TENTERA—PERISTIWA HARI GAWAI DAYAK

30. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) tindakan yang telah diambil ke atas peristiwa 1hb Jun, 1972 (hari Gawai Dayak) di mana suatu pergaduhan besar telah berlaku antara sepasukan angkatan tentera dengan setengah orang ramai di Sibu, Sarawak;
- (b) memandang bahawa kedua belah pihak telah dibawa ke muka pengadilan dan

anggota-anggota angkatan tentera yang terlibat telah didenda sehingga sebanyak \$11,200, adakah Kementerian bersimpati dengan anggota-anggota ini; dan

- (c) samada beliau sedar iaitu jika perkara seperti ini sering berlaku ada kemungkinan belia-belie kita tidak berminat memasuki angkatan tentera.

Menteri Pertahanan (Datuk Hussein bin Onn): Selain daripada amaran keras yang telah diberikan kepada anggota-anggota tentera yang terlibat dalam kejadian yang berlaku pada 1hb Jun, 1972 di Sibu, Sarawak itu, tidak ada apa-apa tindakan disiplin yang telah diambil ke atas mereka. Ini adalah kerana anggota-anggota yang terlibat itu telahpun dihadapkan ke Mahkamah Daerah Sibu oleh pihak polis awam. Anggota-anggota tersebut telahpun didapati salah oleh mahkamah itu dan didenda sebanyak \$11,000. Biasanya jika seseorang anggota tentera didakwa ke Mahkamah Awam dan didapati salah serta dihukum, pihak tentera tidak akan mendakwa mereka di atas kesalahan yang sama di Mahkamah Tentera pula.

Satu perjumpaan muhibbah telah diadakan oleh pihak berkuasa awam dan tentera untuk mendamaikan semula kedua-dua pihak. Selain daripada itu, anggota-anggota tentera sering diingatkan bahawa mereka hendaklah sentiasa mengekalkan perhubungan yang baik dengan orang ramai.

Sebenarnya, anggota-anggota tentera dengan uniform dan gaya mereka yang segar telah berjaya memikat hati gadis-gadis tempatan itu. Saya percaya kejayaan mereka dalam memikat hati gadis-gadis tempatan ini tidak akan melemahkan tetapi sebaliknya akan menambahkan lagi keinginan lebih ramai pemuda-pemuda untuk memasuki Angkatan Tentera.

PEKERJA PENDATANG (IMIGRANT WORKERS) DI SABAH

31. Tuan Stephen Robert Evans minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan dengan detail perkara-perkara yang berikut:

- (a) bilangan pekerja-pekerja (buruh) di Negeri Sabah terdiri daripada orang-orang:
- (i) Malaysia Barat, lelaki/perempuan
 - (ii) Indonesia, lelaki/perempuan

(iii) Filipina, lelaki/perempuan

(iv) lain-lain negara (bukan rakyat Malaysia), lelaki/perempuan; dan

- (b) samada Kerajaan akan menyekat masuknya pekerja-pekerja (terutama buruh) dari Filipina dan Indonesia apabila difikirkan sesuai berbuat demikian.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon):

- (a) Bilangan pekerja-pekerja pendatang (Immigrant Workers) di Negeri Sabah ialah:

(i) Semenanjung Malaysia	11,000
	(bilangan kasar)
(ii) Sarawak	4,000
	(bilangan kasar)
(iii) Indonesia	19,658
(iv) Filipina	9,675
(v) lain-lain negara bukan rakyat Malaysia	750
	(bilangan kasar)

Angka-angka terpisah bagi laki-laki dan perempuan tidak dapat disediakan.

- (b) Kementerian saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Sabah adalah menjalankan pengawalan yang ketat atas pekerja-pekerja pendatang untuk bekerja di Negeri Sabah. Pekerja-pekerja pendatang hanya dibenarkan bekerja di Sabah jika mereka mempunyai kemahiran yang tidak dapat diperolehi di negeri tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Kastam, 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan terima kasih kepada Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Keempat.” (31hb Mac 1976).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan pada hari semalam, Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru sedang bercakap dan sekiranya masa ada lagi, tiap-tiap seorang dibenarkan 20 minit sahaja—tidak lebih daripada itu. Kalau suka hendak menyambung lagi kerana ada waktunya, bolehlah. Silakan.

3.34 ptg.

Tuan Jaafar bin Hamzah (Johor Bharu): Untuk menyambung ucapan saya yang dibuat pada petang semalam, saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, pembentukan Kabinet yang baru ini merupakan satu tenaga ataupun pasukan pembantu yang kuat lagi kukuh yang boleh mengendalikan dan mentadbirkan negara Malaysia ini dengan licin yang akan dapat memberi kepuasan hati di seluruh rakyat kita negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun suka saya menyentuh beberapa perkara yang saya fikir patut menjadi renongan dan perhatian yang serius bagi kebaikan kita bersama. Dalam perkara keselamatan negara, Tuan Yang di-Pertua, rakyat sedar pada hakikatnya di atas usaha-

usaha Kerajaan untuk memberikan kemudahan-kemudahan dan juga pertolongan-pertolongan sejajar dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru di samping Kerajaan berusaha membangunkan negara yang kita kasihi. Tetapi dewasa ini, pergolakan anasir-anasir kominis dan anasir-anasir anti-nasional maka saya percaya rakyat tentulah berasa bimbang terhadap kemungkinan-kemungkinan yang tidak diingini itu akan berlaku.

Kominis adalah musuh utama negara kita dan mereka mesti di tentang berhabis-habisan. Rakyat yang cintakan tanahair, cinta yang tidak berbelah bagi akan dapat bersama-sama dengan Kerajaan untuk menghapuskan perbuatan yang kejam ini, perbuatan yang tidak diredai oleh Allah s.w.t.

Saya suka mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Pasukan Keselamatan, anggota-anggota tentera yang memainkan peranan mematahkan anasir-anasir kominis dan anasir-anasir anti-nasional dengan tidak kira penat dan lelah siang dan malam meninggalkan rumahtangga dan anak isteri berjuang berterus-terusan kerana mempertahankan tanahair. Di samping rakyat juga bersama-sama memberikan kerjasama dengan melibatkan dirinya di dalam pasukan RELA dan juga Rukun Tetangga rakyat sedar atas tanggungjawabnya. Semua rakyat di dalam negara ini cintakan tanahairnya dan ingin berada di dalam keadaan yang sempurna, aman, damai dan sejahtera. Oleh yang demikian, cara yang lebih berkesan yang boleh memberi harapan penuh kepada rakyat yang inginkan aman, damai dan tidak tergugat oleh mana-mana pihak yang saya katakan ialah dengan membesar dan menguatkan lagi anggota-anggota Pasukan Keselamatan dan juga anggota-anggota tentera kita dengan seberapa segera yang boleh dilengkapi dengan senjata-senjata yang moden kerana dengan cara ini sahajalah jalan yang lebih berkesan untuk membasmi gerakan-gerakan kominis itu.

Selain daripada itu, Kerajaan hendaklah jangan teragak-agak menjalankan kuatkuasa undang-undang dengan mengistiharkan kawasan-kawasan yang difikirkan perlu dan penting sebagai kawasan-kawasan darurat atau emergency areas. Dari itu dengan cara ini, saya penuh yakin bahawa anasir-anasir kominis dan anasir-anasir anti-nasional

dapat dimusnahkan dan saya percaya apabila negara kita ini dapat mengujudkan kestabilan yang boleh meyakinkan negara-negara lain di dalam dunia ini, maka banyak perkara-perkara boleh dilaksanakan terus-menerus.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sentuh di dalam Dewan yang mulia ini ialah berkenaan dengan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk membasmikan kemiskinan dan jurang perbezaan di antara kaum yang berada dengan kaum yang tidak berada di dalam negara kita. Kerajaan kita telah mengujudkan dasar ini beberapa tahun yang lalu di dalam mana dalam jangka 20 tahun jurang perbezaan ini akan dapat diatasi. Dasar ini telah berlaku beberapa tahun dan hanya tinggal beberapa tahun sahaja lagi. Untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan patutlah mengkaji semula pelaksanaan dasar ini dan seterusnya mencari jalan memperbaikinya, kerana setakat hari ini boleh dikira tidak sampai 3% daripada kehendak Dasar Ekonomi Baru itu tercapai, dan kalau ini berterusan saya percaya matlamat yang dicita-citakan akan menjadi hampa belaka. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, apabila mengkaji dan melaksanakan dasar 30% peruntukan sosio-ekonomi kepada bumiputra sukaiah saya mencadangkan tiga garis panduan yang perlu dilaksanakan:

- (1) Memberhentikan sikap monopoli yang dilakukan oleh syarikat-syarikat besar.
- (2) Mengadakan jadual induk untuk pengetahuan umum secara menyeluruh berapa peratus pencapaiannya tiap-tiap tahun.
- (3) Menghapuskan syarat-syarat yang boleh menghalang penyertaan bumiputra di dalam sebarang kerja-kerja kontrak tender-tender dan lain-lain perusahaan yang diperuntukkan 30% kepada bumiputra.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, dengan cara-cara yang dicadangkan ini akan dapat memberi satu nafas baru kepada bumiputra yang ingin menyambut dan menyahut seruan Kerajaan sebagaimana yang dikehendaki itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, suka juga saya mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Malaysia yang telah dapat mencapai kejayaan di dalam Sidang Kemuncak

ASEAN di Bali hasil daripada pengisytiharan yang dibuat di Kuala Lumpur. Kejayaan ini telah menunjukkan kepada negara-negara lain di dalam dunia ini betapa penting dan mustahaknya negara-negara Asia yang inginkan aman, damai dan sejahtera dan kita berharap negara-negara kuasa besar hendaknya jangan cuba campurtangan di dalam negara-negara serantau yang kelak akan menjejaskan persefahaman, saling mengerti, hormat-menghormati yang terjalin di antara negara-negara serantau ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya suka juga membawa perhatian kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan yang mulia ini, perhatian dan seterusnya membawa Ahli-ahli Yang Berhormat ke Negeri Johor khususnya kawasan pilihanraya saya sendiri. Di dalam keadaan pembangunan pesat yang sedang diselenggarakan bersama oleh Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri bagi memajukan rancangan-rancangan di dalam Negeri Johor sendiri khasnya di dalam kawasan pilihanraya saya yang meliputi dari semua aspek kemajuan, apatah lagi dengan adanya pembinaan Customs Complex, Pelabuhan, Kawasan Industri yang dikelolakan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor yang juga berhampiran dengan kawasan Pelabuhan di Pasir Gudang di Johor Bharu, serta juga lain-lain pembangunan yang dimajukan oleh pihak-pihak swasta, maka dengan keadaan yang demikian kedudukan penduduk-penduduk akan bertambah di dalam masa jangka 5 tahun yang akan datang di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Pertambahan penduduk-penduduk adalah disebabkan kawasan yang saya sebutkan tadi adalah merupakan tumpuan bagi mereka yang ingin mendapatkan peluang-peluang yang tertentu di dalam kawasan-kawasan bagaimana yang saya sebutkan sebentar tadi. Masaalah yang harus akan dihadapi pada masa akan datang ialah untuk mengadakan rumah-rumah murah sebagai tempat tinggal mereka dan juga keluarganya masing-masing. Perkara perumahan ini akan menjadi satu masaalah yang besar kepada Negeri Johor khususnya bagi kawasan pilihanraya saya sendiri. Jika sekiranya perkara ini tidak diatasi dengan secara meluas, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan yang mulia ini, sebagaimana

telah diumumkan oleh Kerajaan Johor sendiri bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk memberikan kemudahan-kemudahan dan pertolongan-pertolongan serta mengatasi kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh rakyat yang ada di dalam Negeri Johor sendiri, rumah-rumah murah yang diperlukan untuk dibina di dalam jangka masa 5 tahun yang akan datang lebih kurang 38,000 yunit rumah pada keseluruhannya. Daripada jumlah itu sebahagian besar daripada rumah-rumah murah yang diperlukan adalah tertumpu di dalam kawasan pilihanraya saya sendiri. Pihak Kerajaan Negeri Johor di bawah kelolaan Kerajaan Tempatan dan Perumahan akan menyediakan rumah-rumah murah mengikut kemampuan serta bantuan yang diperolehi daripada kerjasama Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat. Di samping itu untuk melicinkan lagi gerakan untuk mendirikan rumah-rumah murah Kerajaan Negeri Johor juga telah menubuhkan satu badan yang dinamakan Lembaga Perumahan (Housing Board). Pihak Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor juga akan bersama-sama memainkan peranan untuk mengatasi masalah-masalah perumahan yang akan timbul di dalam Negeri Johor ini dan untuk meneruskan rancangannya pihak Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor telah mengemukakan satu permohonan kepada Kerajaan Pusat di bawah kelolaan Kementerian Perumahan dan Perkampungan untuk memohon pinjaman yang diperlukan oleh perbadanan tersebut untuk mendirikan rumah-rumah murah bagi pekerja-pekerja di kawasan Pasir Gudang Johor Bahru iaitu kawasan pilihanraya saya sendiri yang berjumlah lebih kurang 40 juta pada keseluruhannya, dan saya percaya perkara ini masih lagi di dalam urusan Kementerian yang berkenaan. Namun begitu saya suka menegaskan kepada pihak Kementerian yang berkenaan agar dapat memberikan kerjasama yang penuh kepada pihak Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor di dalam masalah untuk mengatasi perkara yang saya sebutkan tadi.

Saya suka juga mengambil peluang di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Menteri Perumahan dan Perkampungan yang telahpun memberikan kerjasama yang penuh kepada Kerajaan Negeri Johor pada tahun yang lalu yang telah sanggup dan telahpun memberikan satu peruntukan yang berjumlah \$37.3 juta bagi men-

dirikan rumah-rumah murah di dalam Negeri Johor. Dan saya harap kerjasama seumpama ini akan dapat diteruskan oleh pihak Kementerian yang berkenaan demi untuk kebaikan kita bersama, demi untuk mencapai kehendak-kehendak rakyat yang ada di dalam Negeri Johor khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kawasan perindustrian Pasir Gudang Johor Bahru sedang diusahakan juga oleh pihak Perbadanan Negeri Johor untuk dimajukan dan mempercepatkan lagi bagi menuju kepada matlamat kejayaan. Perkara ini semua adalah bergantung dari segi kemampuan dan kebolehan terutama sekali dari segi kemampuan kewangan dan saya percaya dan memang menjadi cita-cita dan hasrat Kerajaan supaya rancangan kawasan perindustrian di Pasir Gudang di Johor Bahru ini akan mencapai kejayaan yang memuaskan. Andainya Tuan Yang di-Pertua, sekiranya bantuan dan kerjasama tidak sejajar maka tentulah rancangan-rancangan ini akan tergendala dan apa yang diperlukan bagi mencapai kejayaan yang dicita-citakan itu juga akan terjejas.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan Ja'afar bin Hamzah: Oleh itu, saya sangat-sangaltah berharap apalah kiranya pihak yang berkenaan akan memberikan kerjasama yang penuh bagi menyelesaikan masalah berhubung dengan projek yang akan dijalankan dan akan diteruskan oleh perbadanan yang berkenaan.

3.52 *ptg.*

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang dan kesempatan kepada saya untuk bercakap sepetah dua dalam Dewan yang mulia pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya melafaskan junjung kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang kita kasihi kerana pandangan berat serta perhatian khususnya kepada rakyat dan negara terutama di dalam bidang-bidang keselamatan dan pelajaran. Perhatian berat dan khusus daripada Raja kita yang berdaulat itu terhadap masalah rakyat dan masalah pembangunan di dalam kedua-dua

bidang, jasmani dan rohani ini semuanya akan menjadi sebesar-besar perangsang ilham atau inspirasi kepada semua rakyat dari seluruh pelusuk tanahair. Dengan demikian, marilah kita semua berdoa kepada Allah s.w.t. semoga Kebawah Duli berdua sentiasa berada di dalam sihat walafiat dan terus-menerus di dalam iman dan takwanya kepada Allah di dalam pemerintahan negara.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai keselamatan negara adalah dirasai perlu dan mustahak disentuh di sini bahawa ianya tidak akan dapat dijamin dengan hanya ungkapan kata dan ucapan-ucapan oleh para pemimpin kita. Pada pandangan saya menjaga keselamatan negara adalah memerlukan dua sudut pendekatan. Yang pertama, pendekatan secara jasmaniah, yakni perbekalan yang cukup akan bala tentera, polis dan para pegawai keselamatan dengan alat kelengkapan seperti senjata serta lain-lain kemudahan termasuk layanan gaji dan kemudahan-kemudahan sosial lain. Kedua, pendekatan secara rohaniah, yakni para perajurit, pegawai-pegawai keselamatan, para angkatan tentera darat, laut dan udara dan polis mestilah dipesatkan lagi di dalam jiwanya rasa keimanan yang kuat padat, rasa taqwa kepada Allah atau perasaan beragama, kerana dengan ketahanan iman inilah akan mewujudkan satu kuasa luar biasa atau mempertahankan tanahair dari ancaman luar dan dalam. Kedua-dua pendekatan ini, rasa saya adalah merupakan masaalah satu cara yang unggul kalau dapat dipertimbangkan ke dalam masyarakat bala tentera. Di satu pihak lain pula, Tuan Yang di-Pertua, rakyat jelata perlu juga diperlengkapkan dengan perasaan ketahanan iman dan beragama kerana pada pendapat saya semua angkara murka dan malapetaka yang bertibar di seluruh dunia ini adalah natijah dari kurangnya perasaan takut dan gerun kepada Maha Pencipta.

Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dilancarkan tidak lama lagi itu hanya akan merupakan longgokan mata benda yang walaupun bernilai dari segi kemudahan-kemudahan asas dan ekonomi tetapi akan hilang nilai-nilai itu dengan sendirinya tanpa bekalan iman dan kepercayaan yang sungguh-sungguh kepada Maha Esa.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan itu juga menekankan bahawa Rancangan Malaysia Ketiga yang bakal dilancarkan dalam bulan Julai yang akan datang ini ialah

untuk mencapai perpaduan rakyat dan membina ketahanan di kalangan mereka dan inilah juga hasrat besar Kerajaan Barisan Nasional, tetapi perpaduan rakyat tidak akan terjamin sekiranya politik dalam negeri kita sendiri tidak stabil dan sekiranya kita sama kita sendiri bercakaran, kurang percaya-mempercayai antara satu sama lain. Sebenarnya kita sudah tidak berupaya lagi untuk bermain politik buat masa ini kerana rancangan-rancangan indah yang kita sediakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga itu semuanya akan hancur-lebur akibat dari memasuki anasir-anasir luar di dalam masa kedudukan politik yang tidak stabil.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pelajaran dan pendidikan, saya rasa elok juga disentuh di sini bahawa sungguhpun berbagai-bagai peluang akan diberi kepada jenerasi-jenerasi kita yang akan datang dalam bidang itu namun sebagai perhatian khusus ianya mestilah diselaraskan dengan pendidikan agama. Sistem pendidikan kita tidak semestinya berkiblat ke mana-mana, barat atau timur, tetapi mestilah juga berkiblat kepada agama. Ini adalah untuk melahirkan masyarakat yang bermoral tinggi sesuai dengan semangat Rukunegara. Jenerasi muda yang akan datang tidak harus diasuh atau diajar supaya cintakan benda lebih daripada cintanya kepada Tuhan dan negara sebab kalau cinta kepada yang lain itu lebih besar ditujunya maka akan lahirlah manusia intelek, manusia professional dan pakar-pakar yang hanya sanggup bermati-mati dalam mempertahankan pangkat dan wang ringgit daripada menjaga maruah negara, bangsa dan agama. Maka oleh sebab itu, di dalam memberi peluang kepada para pelajar untuk memenuhi tenaga manusia bagi menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga, aspek-aspek agama dan kerohanian itu mestilah ditekankan dengan sungguh-sungguh oleh Kerajaan.

Mengenai penegapan keadilan sosial dan keteguhan rohaniah yang disebutkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia di dalam Titah Ucapannya itu, saya rasa ada beberapa perkara yang perlu dijelaskan di sini. Antara lain ialah pihak Kerajaan seharusnya melipatgandakan pembangunan-pembangunan material kepada negeri-negeri yang terlampau mundur dan tertinggal jauh di belakang seperti Kelantan, Kedah, Perlis dan Trengganu kerana keadilan sosial sebenarnya tidak akan dapat diwujudkan dengan

adanya berbagai-bagai jurang yang luas antara negeri dengan negeri, pekan dengan pekan, seterusnya kampung dengan kampung. Saya berseru kepada Kerajaan agar diperbanyakkan lagi kemudahan-kemudahan asas di negeri-negeri yang kurang maju kerana sebenarnya setiap rakyat baik dari Pantai Timur ataupun dari Pantai Barat adalah sama-sama berhak di atas setiap sen yang dibelanjakan oleh Kerajaan untuk pembangunan negara sama jugalah seperti setiap rakyat akan sama-sama bertanggungjawab atas cukai dan hutang negara yang dipikulnya sekarang ini.

Saya merasa optimis, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Kerajaan betul-betul berazam untuk menyelamatkan seluruh rakyat dari malapetaka ketidakadilan sosial maka perlulah dipertimbangkan kembali supaya pembangunan-pembangunan pesat dilaksanakan di Kelantan dan di lain-lain negeri yang kurang maju.

(Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pula dengan usaha-usaha untuk mencapai keteguhan rohaniah yang disebutkan oleh Titah Ucapan Di Raja itu. Ini adalah soal besar yang perlu diperincikan satu persatu. Pada pendapat saya keteguhan rohaniah dapat diwujudkan dengan cara memperdalamkan ilmu pengetahuan agama serta amalan sungguh-sungguh dari segenap lapisan masyarakat mulai dari sebesar-besar pemimpin kepada sekecil-kecil rakyat jembel atau rakyat marhain. Seruan tanpa amal tidak akan menjadi apa-apa erti kepada kita semua. Keteguhan rohaniah atau ketahanan iman akan dapat dilahirkan melalui usaha-usaha dakwah yang berkesan serta penglibatan diri setiap orang ke dalam lembah bakti dan amal saleh tanpa memikirkan soal-soal diri sendiri lebih banyak daripada soal-soal masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada cara mengembalikan keteguhan rohaniah ke dalam diri peribadi manusia ialah dengan memperkenalkan nilai-nilai agama Islam, dengan memperkenalkan nilai-nilai hukuman yang adil, nilai-nilai politik yang suci-murni serta nilai-nilai sistem ekonomi yang bersifat ketakwaan kepada Allah. Maka untuk memperkenalkan itu semua Kerajaan mestilah memperbanyakkan pusat-pusat Islam di seluruh

negara di mana pembicaraannya dapat dilakukan dengan sungguh-sungguh dan serius. Di samping itu peruntukan-peruntukan yang banyak haruslah diberikan kepada pusat-pusat Islam terutama pusat Islam yang sedia ada di Kuala Lumpur ini.

Akhirnya saya menyokong Titah Ucapan Di Raja itu.

4.01 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong dan menyembahkan tahniah Kebawah Duli Baginda Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Di Rajanya pada 30-3-76.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan negara merupakan satu perkara yang penting di saat ini. Begitulah ditegaskan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda di dalam Titah Ucapan Di Rajanya. Baginda dengan terang menunjukkan ke arah pengganasan kominis sebagai musuh negara yang patut disedari oleh rakyat. Saya percaya rakyat sedar akan adanya merbahaya ini. Tetapi yang kurang disedari oleh kita ialah tipu helah yang dibuat oleh kader-kader kominis tersebut yang telah berjaya memasuki ke dalam pertubuhan-pertubuhan halal. Ada yang telah berjaya menjadi orang-orang penting di dalam pentadbiran negara berpura-pura menyokong Kerajaan tetapi menjalankan tipu helahnya untuk memecahbelahkan pemimpin-pemimpin negara. Inilah yang tidak kita sedari, Tuan Yang di-Pertua, orang yang menyamar diri iaitu musang berbulu ayam.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka membawa kepada satu pepatah Melayu iaitu kuman di seberang lautan nampak, tetapi gajah di tepi mata tidak diketahui. Memang pada kebiasaannya iaitu jika kita setiap hari bergaul dengan sesuatu masaalah atau sesuatu golongan kita kurang nampak pendirian atau tujuannya yang sebenar. Tetapi orang lain yang memerhatikan dari luar jelas boleh mengetahui peranan-peranan yang dibuat oleh sesuatu golongan itu samada untuk kebaikan atau keburukan. Satu daripada peranan yang dimainkan oleh kader-kader kominis itu ialah memutarbelitkan berita-berita atau perkhabaran-perkhabaran, yang tidak ada diadakan dan yang ada ditidakkan.

Baru-baru ini hampir menjadi ribut dan hampir menjadi satu trajidi disebabkan oleh berita kononnya dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri. Saya tidak tahu dari masa bila pegawai-pegawai di Jabatan Perdana Menteri itu telah dilantik menjadi jurucakap kepada Pergerakan Pemuda UMNO. Syukur kehadrat Ilahi iaitu dengan adanya ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin yang sadar kepada sandiwara ini maka dapat ditenteramkan keadaan. Pihak yang berkenaan hendaklah berwaspada dan sadar akan orang-orang yang bersandiwara itu. Saya suka membawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini berkenaan dengan teguran-teguran dari pemimpin-pemimpin lama di mana hendaklah diambil berat dan diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda di dalam Titah Di Rajanya menyeru agar kita mengorbankan kepentingan-kepentingan individu demi menjamin keselamatan negara. Saya mengingatkan pihak yang berkenaan bahawa pemimpin-pemimpin lama yang telah membuat teguran-teguran itu kesemuanya telah berkorban membawa negara ini sehingga ke peringkat yang ada sekarang. Bukti pengorbanan mereka jelas dan terang di mata rakyat tetapi siapa dia orang-orang yang mengeluarkan berita-berita yang mengelirukan itu. Apakah motif mereka? Salah seorang daripada pemimpin-pemimpin lama ini ialah bekas Perdana Menteri kita iaitu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra yang telah menyatakan kesanggupannya menamakan orang-orang ini demi perpaduan dan keselamatan negara. Pihak yang berkuasa hendaklah mengambil berat kepada teguran ikhlas dari Yang Teramat Mulia Tunku itu. Beliau ialah seorang yang bertanggungjawab dan mengeluarkan sesuatu kenyataan itu bukanlah untuk publicity. Demi keselamatan negara saya menyeru supaya pihak yang berkuasa mengambil tindakan segera mengeluarkan orang-orang yang dimaksudkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku itu supaya peranan mereka yang sebenarnya dapat diketahui.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh berkenaan dengan keselamatan ekonomi rakyat supaya ini juga dapat menjadi perjuangan Kerajaan. Kerajaan hendaklah meneliti supaya firma-firma terutamanya yang dimodali oleh bangsa asing menjalankan peranannya sejajar dengan hasrat

Kerajaan. Saya suka membawa contoh kepada satu bank. Bolehlah saya menyatakan bank itu iaitu Chase Manhattan Bank. Bank ini telah menjalankan tindakan kepada seorang pegawai kanan bumiputra yang dengan tegas mempertahankan Dasar Ekonomi Baru kita. Tindakan yang dibuat oleh bank tersebut telah membawa kepada pegawai kanan bumiputra ini disingkirkan dan dibuang kerja. Pegawai tersebut telah merayu kepada Bank Negara untuk campurtangan dengan bukti-bukti yang terang tetapi saya suka membuat soalan kepada Bank Negara apakah tindakan yang telah diambil oleh Bank Negara supaya perbuatan menindas ini dapat diadilkan dan pegawai bumiputra yang menjadi mangsa itu dapat dibela oleh kita. Dukacita saya menyatakan sehingga hari ini belum lagi ada satu langkah yang dibuat oleh Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh berkenaan dengan rumah-rumah tanpa izin. Nampaknya Kerajaan telah mengambil tindakan berleluasan baru-baru ini bukan sahaja di dalam bandar tetapi di kawasan-kawasan luar bandar, misalnya di kawasan saya iaitu Kuala Selangor, memusnah dan memecahkan rumah-rumah tanpa izin. Apa yang mendukacitakan, Tuan Yang di-Pertua, pihak yang berkenaan membutakan mata, memekakkan telinga kepada perbuatan mendirikan fakteri-fakteri tanpa izin oleh puak-puak pemodal yang kaya-kaya tetapi menindas dan memusnahkan, menarik balik tanpa bertimbang rasa rumah-rumah tanpa izinyang dibina oleh orang-orang yang susah. Kalau pemusnahan ini benar-benar dilakukan kerana Kerajaan hendak menggunakan tanah-tanah Kerajaan, saya sebagai Wakil Rakyat di kawasan itu dan saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tidak akan membela nasib orang-orang yang miskin ini tetapi kawasan tanah Kerajaan yang dimaksudkan itu tidak ada apa-apa satu rancangan yang hendak dibuat. Pada pendapat saya jika tindakan, pada segi undang-undang, hendak diambil maka ambillah dahulu terhadap orang-orang kaya ini. Pada pendapat saya undang-undang tidak memilih samada kaya atau miskin.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, kena pada tempatnya, menasihatkan supaya rakyat yang sudah mendapat nikmat hendaklah sabar, yang belum merasa nikmat ditentukan giliran mereka. Ini kalau

diikuti dan dipatuhi, Tuan Yang di-Pertua, tentu akan menghapuskan sungutan-sungutan dari rakyat di mana didapati sekarang orang yang telah mempunyai rumah murah lagi diberi rumah, orang yang mempunyai tanah terus dapat diberi peluang memiliki tanah. Saya suka mengesyorkan di sini agar dapat Kerajaan atau pihak yang berkenaan menggunakan system computer supaya sesiapa yang telah diberi tanah atau diberi rumah murah dapat dicomputerisekan dan dengan adanya rekod menerusi computer ini kelak senang kita mengetahui mereka yang telah dapat peluang dan diberi peluang pula kepada mereka yang belum diberi peluang atau menikmati kemudahan-kemudahan yang diberi oleh Kerajaan kepada rakyat.

Saya suka juga menyentuh berkenaan dengan aktiviti-aktiviti penyeludupan barang-barang dan juga penyeludupan dadah daripada orang-orang yang tidak bertanggung-jawab. Kuala Selangor adalah satu kawasan ditepi pantai di mana senang hendak menyeludupkan barang-barang daripada laut. Apa yang saya dapati sekarang ialah pegawai-pegawai Kerajaan di dalam daerah saya kerap kali di jamu oleh peniaga-peniaga tempatan. Kerajaan hendaklah mengambil satu sikap tegas jangan dibenarkan pegawai-pegawai Kerajaan, samada dia pegawai daerah atau pegawai Polis, daripada menerima pelawaan ataupun jemputan daripada peniaga-peniaga di jamuan-jamuan yang diaturkan oleh mereka, kecuali jamuan-jamuan yang diaturkan oleh badan-badan yang bertanggungjawab. Di dalam jamuan-jamuan inilah penyeludup-penyeludup itu dapat rahsia-rahsia aktiviti-aktiviti yang dibuat oleh Kerajaan untuk mencegah aktiviti-aktiviti penyeludup dan dengan mengetahui rahsia ini dapat mereka menjalankan perkara-perkara yang merugikan pihak Kerajaan.

Kerap kali kita mendengar Kerajaan menyeru supaya rakyat menubuhkan syarikat-syarikat kerjasama atau cooperative societies. Kerajaan juga selalu kita dengar rancangannya untuk mengutamakan permohonan-permohonan daripada perajurit-perajurit di dalam perniagaan mahupun di dalam memberi sesuatu kemudahan. Di negeri Selangor ada satu kawasan di tempat saya di Kuala Selangor, namanya Bukit Ceraka. Kerajaan Negeri Selangor baru-baru ini telah meluluskan satu kawasan seluas lebih 1,000 ekar kepada 4-5 orang yang telah menubuhkan satu syarikat iaitu

kaum pemodal untuk membuat rancangan menanam buah-buahan. Apa yang mendukacitakan kami iaitu penduduk-penduduk di Kuala Selangor ialah orang-orang yang miskin membuat permohonan bukan setahun dua tahun bahkan 10-15 tahun, untuk mendapat hanya kawasan mendirikan rumah iaitu lebih kurang di antara 10,000 kaki persegi atau 15,000 kaki persegi, sehingga sekarang tidak mendapat layanan. Tetapi Syarikat ini entah dengan apa satu sebabnya telah dapat diluluskan 1,000 ekar hampir-hampir 1,500 ekar di Bukit Ceraka. Nasib baik perkara ini dapat diketahui oleh Wakil-wakil Rakyat maka kami telah menyampaikan kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor dan sempat ditarik balik.

Pada masa ini kawasan yang sama telah dipohon oleh satu perkongsian daripada syarikat-syarikat cooperative dan juga syarikat-syarikat bekas perajurit dan permohonan ini telah disampaikan kepada Pegawai Daerah hampir tiga bulan, tidak ada apa-apa layanan. Sebagaimana saya katakan tadi pihak kaum pemodal dalam 2 bulan sahaja dapat permohonan itu diproses dibawa kepada EXCO dan diluluskan, walhal pihak-pihak yang benar-benar daripada orang-orang yang tidak berada yang telah berusaha mengumpulkan \$5-\$10 satu bulan menerusi syarikat-syarikat kerjasama sehingga sekarang belum ada layanan. Saya berharap pihak yang berkenaan daripada B.S.N. siasat atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahaja-lah saya dapat menyembahkan tahniah saya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan untuk penutupnya saya suka menyampaikan tahniah saya kepada Timbalan-timbalan Menteri dan Menteri-menteri yang baru sahaja dilantik di dalam Kabinet baru.

4.18 ptg.

Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin (Jerlun-Langkawi): Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menyembahkan penghargaan di atas ucapan Titah Duli Yang Maha Mulia yang diantaranya telah mementingkan keinginan Kerajaan Pusat untuk memberi pertolongan yang lebih kepada Negeri-negeri yang agak mundur pembangunannya oleh sebab kekurangan bantuan kewangan. Saya harap pengumuman dalam ucapan Titah Duli Yang Maha Mulia itu akan diperkatakan oleh Kerajaan Pusat.

Tidak boleh dinafikan bahawa sumbangan nilai ekonomi negeri-negeri seperti Kedah dan Perlis kepada negara terhadap bekalan beras telah membantu dan menetapkan kestabilan keharmonian dan kekal demokrasi bagi negara kita. Oleh kerana beras adalah merupakan bahan utama rakyat negara ini, kekurangan bahan ini mungkin akan mengancam keamanan oleh kerana apabila rakyat lapar tentu akan tercetus suasana yang huru-hara.

Dari segi tradisi Kerajaan negeri Kedah dan Perlis adalah dua negeri yang berasaskan pertanian. Keluaran bahan utamanya ialah padi dan beras, iaitu tanaman utama yang memberi kepentingan ekonomi, sosial dan politik kepada negara ini. Dengan melalui perhubungan-perhubungan dengan aktiviti-aktiviti yang lain mempengaruhi semua aktiviti-aktiviti ekonomi dan sosial iaitu perniagaan, consumer trade, pembinaan banking dan sebagainya di peringkat negeri dan negara. Tetapi pada saat-saat ini apabila kita menimbangkan ratio keuntungan atau benefit, didapati Kerajaan Pusat telah memperolehi benefit yang agak lebih banyak lagi daripada Kerajaan Negeri Kedah dan Perlis. Polisi Kerajaan Pusat memang kita percaya mementingkan ekonomi masyarakat yang miskin terutama sekali pesawah-pesawah. Rancangan untuk self-sufficiency yang telah dilaksanakan dalam peringkat negara ini telah mengesahkan "strategic importance" sektor pesawah ini. Oleh kerana ini adalah satu-satu daripada cara yang penting bagi menstabilkan fikiran dan melahirkan kepercayaan di kalangan rakyat untuk menyokong cara-cara demokrasi dalam negara kita. Ini adalah juga satu strategi untuk menolong negara menyelamatkan foreign exchange dengan cara mengurangkan impot beras dalam negara ini. Tetapi apa yang terjadi pada akhir-akhir ini ialah kepentingan negara dalam dasar self-sufficiency ini telah mengambil alih dan mengenepikan tujuan asal untuk bentuk suasana kesedaran bagi menolong dan membantu negeri-negeri yang dianggap miskin dan mundur ini walaupun sumbangan mereka adalah agak lebih daripada setengah-setengah negeri yang maju. Oleh kerana masaalah mereka itu diselubung disebalik sumbangan mereka yang sebegitu besar sekali. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa Kedah dan Perlis cuma menggunakan sebanyak tidak lebih daripada 19% daripada pengeluaran berasnya untuk

makanan rakyatnya sendiri. Tetapi di sebaliknya saki-baki yang lebih daripada 80% itu adalah untuk keperluan rakyat dalam negara ini di negeri-negeri lain.

Tambahan lagi di antara tahun 1970 hingga 1975 Kerajaan Pusat telah menyelamatkan tidak kurang daripada \$900 juta dari foreign exchange. Selain dari itu kedua-dua negeri iaitu negeri Kedah dan negeri Perlis telah membuktikan bahawa mereka adalah net exporter of capital ke negeri-negeri yang lain dalam Malaysia. Kerana sudah dibuktikan bahawa kedua-dua negeri ini telah mengeluarkan net estimated flow of capital tidak kurang daripada \$100 juta setahun untuk negeri-negeri yang lain dalam Malaysia hasil daripada pembangunan perindustrian beras dan padi.

Sebahagian dari itu dalam bentuk expatriation of profit, keluaran dan simpanan bank-bank perdagangan di mana deposit-deposit yang begitu besar sekali, hasil daripada simpanan rakyat dalam kawasan beras dan padi ini telah dikeluarkan ke kawasan-kawasan pembangunan di lain-lain negeri terutamanya di negeri-negeri yang sedang membangun pesat dalam bidang perindustrian. Banyak lagi dikeluarkan melalui real estate development. Banyak revenue daripada pembangunan perusahaan beras dari kedua-dua negeri itu telah membawa keuntungan yang besar kepada Kerajaan Pusat dan amatlah kurang kepada Kerajaan Negeri Kedah dan negeri Perlis. Sekiranya development of self-sufficiency of rice bermakna pembangunan at the expense of kedua-dua negeri itu maka Negara mestilah bersedia untuk menghadapi gejala yang sama seperti yang dialami oleh negeri Italy dahulu di mana dalam satu buah negaranya sendiri terdapat dua wilayah, satu mempunyai golongan rakyat yang miskin, dan satu lagi rakyat yang kaya. Satu di kawasan utara dan satu di kawasan selatan. Tetapi bagi pihak Malaysia pula miskin di utara dan kaya di selatan. Ini adalah juga agak interesting bagi kita melihatkan bagaimana Kerajaan Pusat hendak membasmi kemiskinan dalam masyarakat miskin dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Barunya. Oleh kerana kebanyakan penduduk-penduduk di kawasan utara adalah terdiri dari orang-orang miskin dan orang-orang bumiputra.

Semasa ini cara-cara untuk membantu negeri-negeri yang mundur oleh Kerajaan Pusat ialah dengan menggalakkan joint-ventures yang dimulakan oleh Kerajaan Negeri. Tetapi dalam mendalami cara ini Kerajaan Pusat kurang mengambil berat tentang kedudukan kewangan negeri-negeri yang miskin ini. Bagi negeri Kedah dan Perlis umpamanya, kedua-dua negeri ini telah mengalami budget deficit sejak berkurun-kurun lagi. Ada masanya kedua-dua Kerajaan Negeri itu tidak dapat membayar gaji pegawai-pegawainya sendiri dengan tepat dan ada juga masanya oleh kerana ketegangan kewangan seorang pegawai dalam negeri itu diminta menjalankan beberapa tugas pada satu masa. Oleh itu dengan ketegangan dan pressure yang sebegini tidak akan mungkin kita memperolehi efficiency dalam negeri-negeri ini.

Keadaan yang begini boleh diatasi sekiranya formula yang baru ini boleh mengembalikan simpanan dan wang yang telah diselamatkan itu dibawa balik kedua-dua negeri ini melalui bantuan-bantuan tertentu. Misalnya melalui bantuan grant, pinjaman murah kepada kedua-dua negeri untuk membolehkan mereka membeli expertise, menanam modal dan stimulate growth dalam dua-dua negeri ini. Di sebaliknya, Kerajaan Persekutuan mungkin dapat memberi bukanya projek aid tetapi programme aid sebagai hadiah bagi sumbangan mereka itu dan disamping itu nasihat teknik dalam bentuk expert, menjalankan dasar-dasar atau reform dengan kewangan yang perlu. Disamping itu juga mungkin bantuan dapat diberi secara investment allowances dan subsidies services bagi pemodal-pemodal seperti cheap power dan lain-lain yang lebih baik, bangunan-bangunan kilang dan membesarkan lapangan terbang. Saya berasa dukacita kerana walaupun banyak orang-orang telah menggunakan Malaysian Airways di negeri Kedah dan landasannya adalah lebih besar lebih panjang mungkin dari di Kota Bharu tetapi sehingga kini di negeri Kedah, landasan Alor Star, yang diguna oleh rakyat Kedah dan Perlis belum lagi ada direct flight dari K.L. walaupun dengan kapal terbang Fokker Friendship. Jika tidak ada, perubahan Kerajaan Pusat mestilah bersedia untuk menghadapi masalah regional differences pada masa yang akan datang dalam perkara atau soal wages, profit dan capital movement dan lebih menakutkan lagi ialah soal migration dari

utara ke selatan untuk mencari peluang-peluang kerja dan ini akan melahirkan satu masalah sosial dan politik yang agak besar pada masa-masa yang akan datang.

Akhirnya, satu lagi soal yang saya ingin kemukakan ialah soal perlaksanaan rancangan yang ada penuh kaitan dengan kadar kesanggupan rakyat bagi melibatkan diri mereka untuk menyertai perjuangan dan bekerjasama dengan Kerajaan. Kepercayaan mereka itu tak akan timbul dan sokongan mereka tak akan datang kiranya projek yang dijanjikan tak dilaksanakan dalam masa-masa yang dijanjikan.

Umpamanya, dalam kawasan saya sendiri di Langkawi satu jeti telah dijanjikan sejak tahun 1973 lagi kepada penduduk-penduduk Pulau Tuba tetapi sehingga ini belum lagi projek ini dijalankan.

4.29 *ptg.*

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, semenjak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi Perdana Menteri iaitu semenjak Datuk Hussein Onn menjadi Perdana Menteri beliau telah beberapa kali menegaskan bahawa situasi keselamatan di tanahair kita adalah serious dan beliau akan memberi top priority katanya untuk mengatasi masalah tersebut. Saya memang bersetuju tentang pendapat beliau tetapi saya rasa kesal beliau tidak menyentuh faktor-faktor yang akibatnya membawa kepada situasi keselamatan tersebut.

Saya menyatakan beliau perlu dan terpaksa menyiasat dan selidiki faktor-faktor yang mengakibatkan situasi keselamatan yang begitu serious sekarang. Faktor yang pertama ialah kemiskinan. Walaupun tanahair kita telah mengadakan dua Rancangan Malaysia iaitu Rancangan Malaysia Pertama dan baru-baru ini kita telah mengadakan Rancangan Malaysia Kedua, malangnya kemiskinan masih ada di dalam tanahair kita. Dan boleh dikatakan orang yang tidak berada atau miskin di tanahair kita lebih miskin dan ada segolongan kecil yang kaya atau mewah telah menjadi lebih kaya serta mewah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan Kerajaan tidak membuat apa-apa tindakan untuk menghapuskan atau membasmi kemiskinan, tetapi apa-apa rancangan yang dibuat oleh Kerajaan kadang-kadang gagal oleh kerana perlaksanaannya at grass root

level. Saya bukan mengatakan situasi kemiskinan di tanahair kita terlampau dahsyat dan ada orang yang meninggal dunia oleh kerana kelaparan atau disebabkan kemiskinan. Tetapi faktor kemiskinan ini ialah faktor yang paling mustahak dan perlu diatasi jika kita mahu mengatasi masalah keselamatan negara di tanahair kita. Saya akan sentuh atau bercakap berkenaan perkara ini apabila kita membincangkan Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya di tanahair kita pada masa yang lalu ada terdapat kekhuatiran di antara satu golongan yang tertentu disebabkan Kerajaan ingin menghapuskan serta membasmi kemiskinan along racial lines. Saya telah menyatakan beberapa kali poverty cuts across racial lines dan apa-apa tindakan yang Kerajaan akan mengambil perlu dan tidak semestinya memberi faedah kepada rakyat yang berbilang kaum di negara kita tanpa mengira kaum dan bangsa. Saya merasa gembira kerana tidak berapa lama dahulu Kerajaan serta beberapa pemimpin-pemimpin Kerajaan serta Menteri-menteri juga telah menyatakan langkah-langkah yang Kerajaan akan ambil di dalam Rancangan Malaysia Ketiga tanpa mengira kaum dan bangsa. Saya mengalu-alukan perubahan sikap begitu dan saya berharap perubahan ini ditunjukkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia bukan satu negara yang miskin, G.N.P. ialah 5% hingga 6% in real terms dan per capita income di tanahair kita mengikut Laporan daripada Bank Negara baru-baru ini ialah berhampiran \$2,000 per capita, tetapi kekayaan ini tidak dibahagikan sama rata atau the imbalance between the rich and the poor in the income distribution is very great. Saya telah beberapa kali di dalam Dewan ini menyeru Kerajaan mengambil segala tindakan untuk membahagikan kekayaan di tanahair kita khususnya dalam mengadakan atau meninggikan direct taxation. Tetapi malangnya Kerajaan tidak mengambil perhatian dan tiap-tiap kali Menteri Kewangan berucap dalam Budget Session telah meninggikan indirect taxation yang mana miskin di tanahair kita mengalami akibat yang teruk jika dibandingkan dengan akibat sikaya yang ada di tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, kepercayaan kepada negara dan kepada Kerajaan ini boleh dibuktikan kalau kita baca perkara yang berlaku di Kuala Lumpur Stock Exchange. Di New York umpamanya, the Dow Jones Index iaitu berhampiran 1,000 dan akan menjadi lebih daripada 1,000, tetapi keadaan di Kuala Lumpur Stock Exchange bukan disebabkan pergaduhan antara anggota-anggota UMNO sahaja tetapi sebelum itu the Kuala Lumpur Stock Exchange was listless and static. Ini merupakan kekurangan kepercayaan kepada negara kita dan kepada Kerajaan. Saya berharap Kerajaan kita akan mengambil perhatian dan siasatan mengenai perkara ini mengapa terdapat kekurangan kepercayaan kepada negara dan kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap tahun beribu-ribu pelajar telah keluar negeri untuk melanjutkan pelajarannya, dan ada orang yang mengatakan "good riddance of bad rubbish" tetapi malangnya Kerajaan perlu siasat apakah sebab-sebabnya pelajar-pelajar ini keluar negeri walaupun mereka ada kemudahan untuk melanjutkan pelajarannya di tanahair kita. Mereka tidak berbuat demikian dan mereka pergi keluar negeri. Ini akan menjadikan brain drain kepada negara kita. Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa professionals umpamanya doktor-doktor, jurutera, architect dan sebagainya, mereka bukannya murid-murid tetapi orang dewasa dan mereka telah uprooted themselves meninggalkan tanahair kita serta pergi keluar negeri untuk berkhidmat di sana. Mereka bukan sahaja orang yang bukan bumiputra, tetapi termasuk bumiputra juga. Saya berharap Kerajaan jangan mengingatkan seperti yang saya sebutkan tadi "good riddance of bad rubbish", tetapi Kerajaan perlu siasat apakah sebab-sebabnya mereka ini keluar atau meninggalkan negara kita, disebabkan negara kita memerlukan doktor-doktor, architects dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam ucapannya ketika beliau menjadi Menteri Kewangan telah mengatakan kita tidak mencapai perpaduan negara dan racial integration. Kerajaan janganlah bercakap-cakap sahaja tetapi perlu disiasat perkara ini dengan teliti dan mendalam supaya kita dapat mencapai perpaduan negara dan racial integration.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya Kerajaan mengambil perhatian mengenai perkara-perkara yang telah saya sebutkan, saya yakin dan percaya rakyat jelata di tanah-air kita boleh mengambil perhatian apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan serta menyokong Kerajaan untuk mengatasi situasi keselamatan di tanahair kita. Kerajaan memang sedar bahawa kalau rakyat jelata tidak menyokong apa-apa tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi situasi keselamatan maka usaha itu akan gagal.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah bertanya kepada Timbalan Menteri Pelajaran tentang kesulitan terhadap pelajaran atau kekurangan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Aliran China di Kepong, Jinjang, Kepong Baru, Taman Kepong dan Desa Jaya. Semenjak 20 tahun dahulu, walaupun Timbalan Menteri telah menyatakan ataupun Kementerian telah mengambil tindakan untuk memperbaiki dan menambah kelas-kelas di sana tetapi malangnya sehingga sekarang Kerajaan belum membina sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan Aliran China di kawasan itu. Timbalan Menteri berkenaan telah menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran akan membina satu sekolah rendah di Desa Jaya. Saya menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, ini tidak mencukupi untuk kanak-kanak di kawasan itu dan diharaplah Kementerian Pelajaran akan mengambil tindakan membina lebih daripada sebuah sekolah rendah Jenis Kebangsaan Aliran China bagi kawasan itu. Saya hendak membuat satu contoh sahaja. Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya yang berhampiran di situ ada satu sekolah, Sekolah Mun Chong, pelajar-pelajar di situ lebih daripada 2,000 orang, ini menjadikan sekolah itu bilangan muridnya terbesar diseluruh Semenanjung Malaysia. Saya berharap Kementerian Pelajaran jangan berasa bangga kalau ada sebuah sekolah yang begitu besar tetapi kita harus sedar sebagai seorang ibubapa kalau sekiranya ada kelas yang lebih daripada 50 kanak-kanak, disiplin tidak boleh dijaga dan guru-guru itupun ada lebih kerja dan there is nothing to be proud of about such a situation.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kementerian Pelajaran bukan sahaja akan membina sebuah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan di Kepong Baru tetapi mestilah memandang jauh lagi supaya lebih

daripada sebuah sekolah menengah akan dibina di tempat itu. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya juga telah membangkitkan masalah kanak-kanak di sebuah sekolah rendah di Kepong Baru. Selepas penggal yang pertama dibuka pada 5hb Januari yang lalu, ibubapa telah diberitahu kanak-kanak itu terpaksa pergi ke satu sekolah rendah di Sentul, tetapi apabila ibubapa kanak-kanak itu membantah, maka arahan itu telah ditarik balik dan kanak-kanak itu telah diberi tempat di sekolah rendah itu. Tetapi, Timbalan Menteri menyatakan oleh kerana kelewatan pendaftaran, kanak-kanak itu maka timbullah masalah tersebut. Tetapi saya berharap Kementerian Pelajaran khususnya boleh mengambil tindakan menyasiat perkara itu di kawasan yang tersebut supaya perkara itu tidak akan berlaku lagi di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Encik Zainudin Karim, Setiausaha Agung Pekemas telah diberi notis keluar daripada Kota Kinabalu pada jam 5.30 pagi 27hb Mac, 1976. Perbuatan ini memanglah bertentangan dengan hak asasi yang terkandung di dalam Perlembagaan kita. Hak untuk menerangkan sikap sesuatu partai dan untuk mengambil bahagian di dalam pilihanraya di mana-mana tempat di Malaysia kepada setiap rakyat di Malaysia pun telah termaktub jelas di dalam Perlembagaan kita tetapi malangnya Kerajaan negeri Sabah, walaupun Kerajaan tersebut menyatakan Kerajaannya mengamalkan demokrasi berparlimen tetapi mereka cuma bercakap-cakap sahaja. Oleh itu mengapakah Kerajaan negeri Sabah membuang Encik Zainuddin Karim daripada Sabah? Sebabnya tidak lain kerana Encik Zainudin Karim telah menyampaikan perutusan atau convey the simple message kepada rakyat di dalam negeri Sabah khasnya rakyat di luar bandar di Sabah yang mana keadaan rakyat Sabah tidak berubah dan serupa atau lebih dahsyat jika dibandingkan dalam zaman British.

Selain daripada itu pengaruh Encik Zainudin Karim barangkali di dalam kawasan Usukan dan kawasan Tempasuk telah mendapat sambutan yang baik. Kawasan Usukan ialah kawasan Pemangku Ketua Menteri Sabah dan oleh kerana itu beliau telah dibuang daerah. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan di

sini bahawa Pekemas tidak boleh ditakutkan atau diugut-ugut oleh sesiapa pun di dalam pilihanraya umum di Sabah atau di mana-mana tempat juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh sedikit tentang apa yang berlaku di Majlis Undangan Negeri Selangor pada 25hb Mac, 1976 yang mana Datuk Harun bin Idris bekas Menteri Besar was voted out of office. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tegaskan—I do not wish to say that I am not taking sides. Saya hendak bercakap mengenai perkara ini dari segi undang-undang dan dari segi Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjadi wakil rakyat Majlis Undangan Negeri Selangor selama 10 tahun dan apabila saya memasuki Majlis Undangan tersebut, Datuk Harun pun telah menjadi Ahli Majlis tersebut dan telah dipilih sebagai Menteri Besar dan saya telah dapat tahu beliau treated his political opponents, especially those who were not proficient in Bahasa Malaysia, fairly. Whatever may be his faults, he had given the best years of his life to the State Assembly. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, mengapakah beliau telah dihinakan sedemikian? Si berkuasa di tanahair kita, dan saya sedar si berkuasa ialah semua di dalam Dewan ini, should have shown some magnanimity, atau berkuasa di tanahair kita perlu menunjukkan sedikit keringat kepada Datuk Harun Idris di dalam kejayaannya tetapi instead they wanted him to grovel at their feet.

Tuan Yang di-Pertua, Datuk Harun Idris telah dihinakan di dalam Majlis Undangan Negeri Selangor. Seperti yang disebutkan oleh Datuk Harun Idris kepada Anggota-anggota Majlis tersebut pada hari itu, mereka yang telah menjadi Ahli EXCO atau menjadi Pemangku Menteri Besar, semuanya bekerja dengan Datuk Harun Idris dan Majlis tersebut telah diadakan pada 25hb Mac, 1976. Satu tukang ramal telah memberi ramalan kepada Julius Caesar: "Beware the Ides of March". Saya tidak sedar, Tuan Yang di-Pertua, adakah ruangan yang memberi kepada Datuk Harun Idris "Beware the 25th March of 1976". Saya berharap Datuk Harun Idris akan mengambil perhatian tentang apa yang disebutkan oleh Julius Caesar apabila beliau dibunuh: "Et Tu Brute", "And Thou too Brutus" atau "Kaupun Brutus". Kita sudah tahu Brutus

ialah kawan yang paling baik kepada Caesar. Tuan Yang di-Pertua, Datuk Harun juga pun dahulu mengingatkan apa yang disebutkan oleh Cardinal Wolsey. "Tuhan pertahankan saya daripada kawan saya! Musuh saya, saya boleh jaga" atau dalam bahasa Inggeris, "God save me from my friends! My enemies, I can take care of them".

Tuan Yang di-Pertua, sehingga the vote of no confidence was taken Datuk Harun Idris masih dan Datuk Harun Idris telah meletakkan jawatannya kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan perletakan jawatan itu diterima. Datuk Harun Idris masih menjadi Menteri Besar Selangor, mengapakah ini tidak diterima oleh Tuan Yang di-Pertua di Majlis Undangan Negeri Selangor, tetapi Datuk Harun telah diarah duduk di tempat yang utama di "visitors gallery" dan kemudiannya di dalam "Opposition Bench".

Tuan Yang di-Pertua, Yang di-Pertua, Majlis Undangan Negeri Selangor telah mengakui beliau telah menerima satu arahan daripada orang di luar. Ini sangat menyedihkan. Majlis Undangan Negeri Selangor ialah satu Badan bebas atau ianya telah menjadi Boneka di dalam tangan Kerajaan Pusat. Perbuatan Yang di-Pertua, Majlis Undangan Negeri Selangor akan mengakibatkan "a whole heap of constitutional problems". Perbuatan seperti ini mesti takutkan kepada tiap-tiap Menteri Besar atau Ketua Menteri selepas Selangor tiada Menteri Besar, yang telah melanggar Undang-undang dengan Kerajaan Pusat yang boleh "is safe from the tentacles of the Central Government". Inilah, Tuan Yang di-Pertua, pemerintah Undang-undang yang berlaku di tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, jika dan keadaan situasi keselamatan tidak dibaiki sekarang

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat panjangkah lagi?

Dr Tan Chee Khoon: Sedikit sahaja. Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, pihak swasta telah memberi responds tentang panggilan daripada Menteri Kewangan "to do its bit in the Third Malaysia Plan, there is tension in the air as a result of the internal squabbles in the UMNO", penuntut-penuntut di Instituti Teknologi MARA telah menjadi "restive as a result of the heavy hand of

bureaucracy banging down on them and an air of uncertainty pervades every nook and corner of the land". Tuan Yang di-Pertua, di dalam masa yang akan datang Kerajaan Pusat akan mengambil tindakan yang tepat, erat tetapi adil dan saksama jika kita akan mengatasi ribut di hadapan kita di masa akan datang.

4.55 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Di dalam perbahasan usul ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh beberapa perkara yang telah ditimbulkan di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam banyak perkara yang telah disentuh itu antara lainnya yang saya rasa amat mustahak sekali ialah mengenai Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dilancarkan. Dalam soal ini, saya rasa amat gembira sekali walaupun kita semua belum mengetahui isi kandungan Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dibentangkan itu, tetapi kita semua mengharapkan bahawa Rancangan Malaysia Ketiga ini akan mendapat kejayaan yang sepenuhnya dan akan dapat mendekatkan jurang perbezaan yang jauh dari segi pendapatan orang-orang kampung dengan orang-orang yang berpendapatan lebih di dalam negara kita ini. Hanya satu perkara yang saya rasa dan saya bimbang, takut Rancangan Malaysia Ketiga ini tidak akan mendapat pencapaian yang dimaksudkan.

Yang pertama, ialah masalah kewangan negara kita ini, sebab kalau berdasarkan kewangan pada masa-masa yang sudah ataupun pada Rancangan Malaysia Kedua akan habis tempohnya itu, maka saya amat khuatir sekali, takut-takut Rancangan Malaysia Ketiga yang kita akan sambut ini dan kita akan sokong beramai-ramai ini tidak akan sampai ke mana-mana juga, tidak akan sampai kepada matlamat yang dimaksudkan oleh Kerajaan. Saya contohkan umpamanya, pada masa-masa yang telah sudah pihak yang bertanggungjawab di negeri kita, Menteri-menteri kita apabila pergi melawat pergi di kawasan-kawasan yang tertentu ataupun negeri-negeri yang tertentu maka membuat janji-janjinya umpamanya saya contohkan, Menteri Pertanian dahulu datang melawat ke Trengganu maka minta tolonglah rakyat Trengganu untuk mendapat bantuan bagi membuka ataupun melancarkan

projek pembukaan tanah padi umpamanya, maka sangguplah Menteri dengan angka-angka yang tertentu, tetapi sehingga sekarang ini entah berapa musim telah berlalu wang itu tidak sampai-sampai juga. Jadi saya bimbang perkara-perkara seperti ini kita bentangkan dan kita kemukakan dan kita rancangan, tetapi apabila kewangannya tidak ada sudah tentu rancangan itu tidak akan berjaya.

Satu perkara yang saya suka menarik perhatian di dalam Dewan yang mulia ini ialah kenyataan-kenyataan pinjaman daripada luar negeri pada masa-masa yang lepas, umpamanya kenyataan-kenyataan pihak yang berkenaan di negara kita ini yang kita akan dapat pinjaman daripada negara-negara di Timur Tengah, misalnya. Pengumuman demi pengumuman dan lawatan juga telah dibuat, tetapi sehingga sekarang ini pun kita belum dapat menerima pinjaman yang dijanjikan itu. Jadi masalah yang seperti ini, saya menyerulah pihak yang bertanggungjawab supaya mengkaji dengan *sehalus-halusnya* kenapakah negara-negara itu tidak bersedia untuk memberi pinjaman kepada negara kita. Adakah projek-projek yang kita hendak jalankan itu tidak menjamin kejayaannya ataupun adakah kerana tokoh-tokoh kita yang pergi berunding ataupun pergi berkira dengan negara-negara yang tertentu itu tidak dapat diterima oleh negara tersebut dari segi persahabatan dan sebagainya. Atau pun adakah kerana janji-janji yang kita berikan kepada mereka itu kita tidak tepati ataupun sebagainya. Saya berharap benar-benar supaya kita dapat menumpukan soal kewangan ini lebih utama dan lebih mustahak supaya segala rancangan kita itu berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya nampak pada masa-masa yang sudah rancangan yang kita telah buat dan pihak Kerajaan telah membahagikan kewangannya, tetapi masalah pengawasannya dan masalah pentadbirannya tidak dijagai dengan rapi. Ini juga akan menggagalkan rancangan-rancangan yang kita aturkan. Saya berharaplah di dalam Rancangan Malaysia Ketiga akan datang ini, kita dapat atur dan kita dapat awasi dengan benar-benar supaya wang rakyat dan negara kita dan harapan Kerajaan itu tidak akan sia-sia.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak beberapa projek yang telah dikemukakan ataupun telah dilaksanakan oleh Kerajaan di dalam

Rancangan Malaysia Kedua dahulu banyak yang menerima kegagalannya. Umpamanya, kalau projek taliair yang dibuat oleh Kerajaan untuk kesenangan rakyat tetapi saya tidak tahu di mana salahnya, di mana punca kesilapannya, adakah kerana pakar-pakar yang kita hantar untuk mengkaji, menyiasat, menyelidik masaalah ini memberi laporan kepada Kerajaan tidak betul ataupun adakah cara perlaksanaan kontrektornya tidak betul ataupun di mana. Tetapi hasilnya itu orang kampung tidak dapat menerima nikmat daripada projek pertanian ini dan apa yang orang kampung dapat terima sebelum daripada projek ini dilaksanakan dahulu pun tidak dapat sempurna. Jadi ertinya pihak rakyat di dalam negeri ini mengharapkan projek itu dapat memberi pertolongan kepada mereka, tetapi sebaliknya nikmat yang mereka itu harapkan tidak dapat apa yang ada di tangan pun hilang, dan yang ditunggu pun tidak tiba. Saya harap benar-benar di dalam projek dalam rancangan yang akan datang ini supaya lebih teliti dan lebih halusi lagi muga-muga segala projek ataupun segala rancangan yang dibuat oleh Kerajaan itu tidak jadi sia-sia.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit masaalah yang dihadapi oleh rakyat keseluruhannya di dalam negara kita ini mengenai kemasukan barang-barang daripada luar negeri. Kadang-kadang pihak Kerajaan telah menahan daripada kemasukan barang-barang daripada luar negeri apabila satu perindustrian ataupun satu kilang cuba membuka kilangnya di dalam negeri ini. Umpamanya, saya contohkan masaalah kain putih. Jadi kilang yang ada di dalam negeri ini tidak dapat membekalkan dengan secukupnya kain puteh kepada pengusaha-pengusaha kita di negara ini yang memerlukan kain puteh. Tetapi Kerajaan menahan kain puteh jangan masuk di dalam negeri ini, ataupun seperti barang-barang yang lain. Barang-barang yang sepatutnya diberi peluang sebelum daripada kilang di dalam negeri ini memberi jaminan yang cukup, misalnya kostik soda yang diperlukan oleh pembatik-pembatik di negeri ini. Tetapi sebelum ada barang-barang ini sudahpun ditutup dan tidak dibenar dibawa masuk daripada luar negeri, sedangkan pengusaha-pengusaha di dalam negeri ini tidak dapat mencari ataupun kalau dapatpun dengan harga yang lebih daripada sepatutnya.

Kalau rakyat di dalam negeri ini ataupun pengusaha di dalam negeri ini dapat membawa masuk barang-barang ini daripada luar negeri dan dapat lebih murah daripada apa yang dibuat di dalam negeri kita, ini adalah lebih baik. Ini bererti secara tidak langsung apa yang kita usaha dan apa yang kita buat ini susah hendak difaham oleh rakyat bahawa usaha Kerajaan memang betul-betul untuk memberi kesenangan kepada rakyat. Memang hendak menolong rakyat, sebab kita memaksa rakyat membeli barang-barang yang kurang baiknya dan lebih mahal daripada sepatutnya mereka itu dapat. Serupa juga misalnya masaalah kenaikan harga baja. Apabila disoal dan ditanya maka jawabnya bahan kimia mahal, itu mahal, maka naiklah melambong harga baja, sehingga baru-baru ini kita dengar baja pun dicampur dengan pasir dan sebagainya. Jadi saya berharaplah Kementerian yang berkenaan menyiasat betul-betul dan jangan sampai dua tiga kali tipu kepada rakyat. Di dalam kenyataan yang Kerajaan beri kepada rakyat bahawa bahan-bahan kimia ini mahal ataupun susah hendak dapat dan sebagainya menyebabkan harga baja dinaikkan, kita terbaca di dalam suratkhbar bahawa company yang mengeluarkan baja ini mendapat untung setahun berpuluh-puluh juta ringgit. Jadi rakyat mendapat kesedaran, seolah-olah Kerajaan kita ini masuk sebelah, masuk kepada pihak pengusaha-pengusaha, pihak komperi, pihak pemodal sahaja. Jadi soal yang seperti inilah harus dipertimbangkan dan sekurangnya dapat kita memberi penjelasan yang sejelas-jelasnya kepada rakyat dan mudah-mudahan perkara ini tidak menjadi keliru.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, di bidang-bidang pembangunan-pembangunan yang lain walaupun kita dapat mendengar daripada pucuk pimpinan kita boleh dikatakan hampir setiap hari menyatakan memberi jaminan, memberi penerangan kepada rakyat bahawa disamping pembangunan material ini hendaklah disamakan juga pembangunan-pembangunan rohani. Tetapi di dalam soal ini pada pandangan saya, apa yang dijalankan, apa yang dilaksanakan setakat hari ini jauh lagi yang hendak kita anggapkan berseimbangan. Maka saya harap benar-benarlah di dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang akan datang ini, satu usaha yang bersungguh-sungguh, satu peruntukan

yang diberi supaya rancangan ini dapat benar-benar dilaksanakan dan dapat diakui dan dapat diterima oleh rakyat bahawa pembangunan-pembangunan rohani di-seimbangkan sebagaimana yang dikatakan oleh pemimpin-pemimpin kita pada hari ini.

Umpamanya, pusat-pusat dakwah ataupun bangunan pusat dakwah itu sendiri diper-untukkan ataupun dibuat biar dengan se-cukup-cukupnya di dalam negeri kita ini bagi melambangkan kesungguhan dan di-samping itu jangan pula kita membuat sahaja bangunan tetapi kita mengisikan bangunan ini dengan secukup supaya kita dapat lancarkan. Sebab, kita mempunyai keyakinan bahawa sekiranya rakyat di dalam negara kita ini mempunyai keyakinan, mempunyai keimanan yang penuh maka sudah tentu kita dapat mempertahankan negara kita daripada ancaman komunis. Ini semua diakui oleh para pemimpin kita. Tetapi di dalam usaha ini, kita perlu bersungguh-sungguh bukan sahaja di peringkat anak-anak kita tetapi di peringkat yang bertanggung-jawab, di peringkat pentadbiran dan sebagainya hendaklah kita sampaikan dan serukan agar sempurnakan tugas itu supaya semua bertanggungjawab dan memahami benar-benar akan kehendak agama dan Kerajaan di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyerulah supaya Kementerian Pelajaran di dalam negara kita ini dapat memasukkan satu syarat yang khusus mengenai matapelajaran agama yang mesti diambil oleh murid-murid yang mengambil peperiksaan dalam negara kita ini dan memasukkan juga matapelajaran agama ini kepada pemohon-pemohon untuk memohon jawatan-jawatan yang tertentu supaya menjamin pemohon-pemohon itu yang bakal akan menjadi pegawai dalam negeri kita ini mempunyai pengetahuan agama, mempunyai didikan agama ataupun mempunyai asuhan keruhanian yang cukup bagi menjamin keselamatan sebarang kerja kita dan sebarang tugas yang dipertanggung-jawabkan kepada mereka itu ditunaikan dengan sepenuh-penuhnya berdasarkan kepada pengetahuan agama yang ada di dalam sanubari mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan benar-benar dan saya merayulah supaya di dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang akan datang ini kita dapat menikmati dan

rakyat dapat mengecap nikmat yang benar-benar yang boleh kita banggakan sekurang-kurangnya kepada rakyat di kampung, sebab sebagaimana yang kita ketahui bahawa rakyat di kampung-kampung tidak mempunyai kesatuan, tidak mempunyai persatuan dan sebagainya untuk merayu, atau menuntut daripada pihak Kerajaan; hanya yang mereka itu dapat menuntut ialah dengan Wakil-wakil Rakyat atau sebagainya. Masalah ini sangat sukar kalau kita tidak pertimbangkan jurang perbezaan yang banyak ini dan kalaulah jurang ini kita biarkan terus-menerus maka pada hemat saya susahlah kita hendak memarahi rakyat kita menyokong komunis. Sebab komunis mengambil peluang daripada kesusahan rakyat di dalam negara kita ini. Kita hendak marah mereka itu mengapa menyokong komunis, kita marah orang kampung yang berpendapatan \$30-40 sebulan, yang dapat menoreh getah hanya 15 hari sebulan; kita marah mereka itu kerana menyokong komunis, menjual beras \$15 satu gantang kepada komunis sedangkan mereka itu dapat hanya tidak lebih daripada \$1.50 sehari. Perkara ini yang kita mesti sedari. Hendak tunggu mereka ini mogok, sampai bila mereka itu hendak mogok. Mereka tidak mempunyai kesatuan. Kalau kita hendak mengukur kesenangan rakyat, kalau kita hendak baca kepada statistics yang dibuat—mengukur daripada pukul rata orang yang dapat \$30,000 sebulan, ataupun \$40,000 sebulan ataupun yang dapat \$2,000 sebulan maka sudah tentulah jawabnya, rakyat Malaysia ini makmur, rakyat Malaysia mewah. Tetapi cubalah kita tinjau di kampung-kampung atau di pendalaman, mereka itu hendak dapat \$60 sebulan sekarang ini memang susah. Jadi bila komunis datang menawarkan atau membawa beras satu gantung dengan harga \$15, mereka itupun gelap mata. Orang kaya pun lagi gelap mata, boleh rasuah dan sebagainya; orang kampung juga hendak hidup; hendak tanggung anak ke sekolah, sudah tentu mereka itu lebih gelap mata lagi, lebih lupa undang-undang dan sebagainya. Orang-orang yang dapat gaji \$1,000-\$1,500 sebulan boleh buat kerja rasuah dan sebagainya, apatah lagi apabila orang komunis mengatakan bawalah beras itu kepadanya segantang, dengan harga \$15. Jadi masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, betul rakyat itu bekerja menyalahi undang-undang, tetapi mengapakah mereka itu buat kerja seperti

ini? Ini harus dikaji oleh Kementerian yang berkenaan, oleh Kerajaan kita supaya rakyat tidak melakukan perkara-perkara yang tidak diingini.

Kalau selagi perkara-perkara seperti ini tidak dapat kita atasi, saya rasa memang sukar, memang payah kita hendak menyekat rakyat kita daripada menyokong orang yang memberi tawaran untuk memberi duit kepada mereka itu, walaupun mereka itu sedikit-sebanyak ada mempunyai ajaran agama, mempunyai fahaman agama tetapi katanya walaupun dia tidak berfikir panjang kerana dengan beri segantang beras kepada kominis dalam satu minggu tidak akan lucut ugamanya. Mereka persoalan balik, adakah dengan memberi beras segantang kepada kominis ini sampai lucut fahaman agama-di-Pertua. Ini ialah kerana kemiskinan. Sebagaimana sabda Nabi: "Orang yang miskin, orang susah itu hampir-hampir dia hendak jadi kufur! Jadi, perkara yang seperti inilah, dalam Islam pun suruh supaya kita ini membela orang miskin. Kita mengasehi betul-betul. Banyakkan projek, banyakkan usaha supaya menambahkan pendapatan mereka itu walaupun mereka itu senang misalnya, mereka itu bersyukur dapat jalan umpamanya, tetapi mereka tidak dapat mencari makan dengan jalan itu sahaja. Kita mesti memikirkan, Kerajaan mesti memikirkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini satu-satu projek yang benar-benar boleh menambahkan hasil pendapatan mereka itu.

Saya pernah ditempelak oleh rakyat, umpamanya kalau kita pergi ke kawasan-kawasan nelayan yang bekerja di laut, kita mengatakan: inflasi sudah kurang, keadaan ekonomi negara sudah agak baik sedikit; Kerajaan berharaplah supaya kita dapat lebih menambahkan pencarian. Mereka akan menjawab: Yang Berhormat, saya ini berkelaut daripada dahulu sebelum Yang Berhormat menjadi Wakil Rakyat sampai sekarang inipun tidak ada apa-apa bezanya. Keadaan kami lebih kurang macam dahulu juga. Kalau \$60 sebulan \$60 juga. Jadi tempelak-tempelak semacam inilah kita berharap pada masa-masa yang akan datang lebih-lebih lagi di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini dapat dihapuskan dan kita tidak akan menerima tempelak daripada rakyat kita lagi dan di dalam menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri

Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini, kita berharap mudah-mudahan dapat dihapuskan semua sekali dan mudah-mudahan kita dapat memberi nikmat sebagaimana yang mereka itu harapkan, mudah-mudahan orang-orang kominis itu dengan sendirinya akan terhapus, dan dengan yang demikian mereka itu tidak akan mendapat tempat di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, hanya sekian.

5.20 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut bersama membahaskan atas usul Titah Ucapan yang telah dibuat pada 30hb Mac, 1976.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan ini saya bagi pihak pengundi dan rakyat di kawasan Parlimen Hilir Perak menyampaikan ucapan tahniah dan sokongan yang amat kuat di atas susunan Kabinet Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sekarang dan sungguh-sungguh menyatakan bahawa rakyat desa mengharapkan bentuk Kabinet yang ada ini benar-benar boleh menghasilkan banyak perubahan dari semasa ke semasa. Perubahan-perubahan yang diharapkan itu biarlah benar-benar berkesan dan dapat dikenang rakyat turun-temurun. Rakyat yakin dan percaya jika semua pihak benar-benar jujur dan ikhlas untuk memperbaiki taraf hidup rakyat di desa-desa.

Nampaknya Titah Di Raja yang dibuat pada 30hb Mac, 1976 itu menyedari ada di antara pegawai dan kakitangan Kerajaan yang tidak bertanggungjawab bagi menentukan pelaksanaan rancangan yang disusun dan diatur supaya terlaksana dengan baiknya. Dalam hubungan ini, saya berpendapat dan berseru kepada pegawai kakitangan Kerajaan dapat menunaikan tanggungjawab bagi menyediakan dan mengadakan untuk melaksanakan sesuatu rancangan yang telah dibuat dan diatur itu supaya dapat dinikmati oleh rakyat desa. Kita tidak mahu lagi ada membaca atau mendengar teguran-teguran daripada beberapa orang pegawai bahawa pegawai-pegawai perancang negeri terlalu sangat memikirkan tentang keuntungan sesuatu projek yang dibuat dari segi ekonomi dan sosial sahaja, tetapi hendaklah memikirkan penghasilan rancangan yang memberi faedah kepada negara dan patut

benarlah pihak negeri-negeri yang berkenaan menambah dan membimbing pegawai-pegawai perancang negeri ini supaya dilengkapkan diri mereka itu terdiri dari mereka yang mahir dan mempunyai semangat dedikasi yang kuat dengan tidak melakukan diskriminasi kepada kawasan desa. Tegasnya pegawai-pegawai itu hendaklah pergi ke satu tempat di mana rancangan-rancangan yang dibuat itu bukan hanya di dalam pejabat atau menerima lapuran daripada pegawai-pegawai rendah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh yakin dan percaya di atas usaha Kerajaan bagi menyediakan rancangan untuk menseimbangkan pembangunan di antara negeri-negeri bagi menambah bantuan kewangan kepada negeri-negeri yang kurang maju. Bagi saya tidaklah semestinya kepada sesuatu negeri yang kurang maju sahaja bahkan saya berpendapat ada lebih baik bantuan terus kepada kawasan-kawasan yang tidak maju tetapi memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi negara. Untuk contohnya patutlah diutamakan kepada kawasan-kawasan petani, pekebun kecil dan nelayan. Bagi pesawah padi diperlukan taliair yang baik dengan jadual pembersihan berjalan dengan sempurna dan tidak berlaku seperti sekarang kadang-kadang ada kawasan taliair ataupun bekalan air yang saliran airnya setahun sekali dibersihkan atau enam bulan sekali dan kadang-kadangnya ada tiga bulan sekali, itupun masa pembersihannya tidaklah sesuai kerana membersihkannya pula waktu air dalam, pendek kata potong di atas sahaja. Dengan demikian pengaliran airnya tidaklah terus-menerus kepada yang dihajati. Akibatnya telahpun menjadi kenyataan pada tahun lalu hampir 200 ekar sawah padi yang setelah siap ditanam telah kekeringan air dan musnah sama sekali. Petani-petani telah mengeluarkan tenaga dan belanja untuk penyediaan penanaman padi dan mereka itu terlalu hampa untuk menerima hasil tuaian seperti mereka yang lain mendapatnya.

Dengan ini saya menyampaikan rayuan petani-petani tersebut apalah kiranya pihak Kementerian yang berkenaan memberikan sedikit saguhati sebagai ganti rugi disebabkan kesilapan yang telah berlaku di jabatan berkenaan, sekurang-kurangnya untuk mereka mendapatkan benih baja dan racun serangga bagi musim akan datang untuk mereka turun semula ke sawah. Kesilapan-kesilapan ini

boleh diatur dan disusun supaya tidak berulang lagi, yakni baiki segera segala taliair-taliair secepat mungkin dan semolek-moleknya hendaklah bukan masa air dimasukkan ke taliair, kemudian patutlah ditambah buruh-buruh di mana yang perlu. Di samping itu mereka juga perlu jalanraya yang sesuai dengan kehidupan sehari-hari bagi petani-petani. Dengan jalanraya yang baik dan sesuai pihak petani dapat memperbaiki tanah sawah mereka dengan memasukkan jentera moden. Dengan demikian tentulah mereka dapat menambah hasil pertaniannya dari semasa ke semasa dan dengan jalan yang baik juga hasil pertanian dapat dijual dengan harga yang sesuai dengan titik peluh yang dicurahkan oleh mereka. Dengan adanya jalan-jalan di kawasan pertanian maka lain-lain kemudahan daripada berbagai jabatan boleh memberikan perkhidmatan kepada petani-petani dengan lebih sempurna lagi berbagai-bagai jabatan yang diperlukan oleh rakyat desa seperti Jabatan Haiwan, Jabatan Penerangan, Jabatan Kesihatan dan anak-anak sekolah boleh bersekolah dengan keadaan yang lebih selesa, tidaklah mereka ini pergi ke sekolah berkaki ayam, sampai di sekolah baru membasuh kaki dan masuk ke bilik darjah, ertinya kasutnya di dalam beg, bukannya kasut letak di kaki.

Rakyat di desa perlukan perkhidmatan yang lebih baik terutama sekali perkhidmatan penerangan tetapi apa yang mendukacitakan ialah Jabatan Penerangan tidak dapat sampai ke satu tempat dengan tidak adanya jalan yang baik bagi Yunit Bergerak Jabatan Penerangan dan sungutan-sungutan bertanya perkhidmatan penerangan. Ada yang menyatakan bahawa perkhidmatan penerangan ini adakah setahun sekali atau enam bulan sekali baru sampai ke tempat mereka, tetapi saya telah difahamkan bahawa perkhidmatan penerangan adalah kekurangan tenaga dan alat untuk memberikan perkhidmatan kepada kawasan-kawasan atau kampung-kampung yang terlalu banyak di sekitar Daerah Hilir Perak. Oleh itu, saya berpendapat sudah sewajarnya ditambah lagi Yunit Bergerak yang ada supaya boleh berkhidmat dengan baik. Dengan jalan-jalan yang sesuai atau perhubungan yang baik, rakyat di desa sedia memberikan sokongan dan perkhidmatan untuk menyahut seruan-seruan Kerajaan untuk mempertahankan negara baik dari dalam ataupun dari luar kerana mereka biasa mendengar daripada

suara-suara yang menghasut mereka kerana mereka menyatakan negara telah lama mencapai kemerdekaan tetapi jalan-jalanraya ataupun jalan yang boleh dilalui tidak boleh dilalui, yakni tidak ada dan di sini saya suka-lah menegaskan keseluruhannya bahawa ada di antara jalan sebelum merdeka dahulu di kawasan-kawasan ini ada jalanraya tetapi setelah merdeka jalanrayanya tidak ada dan tidak baik kerana kebanyakan kawasan ini telah terkena oleh bencana alam tetapi tidak dibaiki semenjak beberapa tahun kebelakangan ini.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini saya telah difahamkan di kawasan saya untuk mengadakan jalan-jalan telah dipersetujui oleh Majlis Tindakan Daerah dan Majlis Tindakan Negeri cuma menunggu kelulusan atau peruntukan kewangan daripada Kerajaan Pusat sahaja. Demikian juga dengan peruntukan-peruntukan atau sum-bangan-sumbangan Kerajaan Pusat seperti contohnya sehingga ini saya difahamkan pihak Kerajaan Negeri menunggu perun-tukan daripada Kerajaan Pusat untuk menggantikan perkhidmatan feri yang ada di Sungai Kinta kerana beberapa kali saya mengikuti jalan ini ada di antaranya terpaksa menunggu sampai dua jam baru dapat sampai ke tempat yang dituju. Jika sekiranya mereka ini sakit, menggunakan kereta per-sendirian maka yang sakit tetaplah sakit. Jika mereka meminta mendahului kereta yang lain maka sungutan daripada mereka yang terdahulu akan lantang suaranya ber-tanyakan apakah kelebihan maka diberikan keutamaan kepada mereka yang memohon supaya dapat didahulukan untuk sampai ke rumah sakit.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat selalu diseru minta memberikan kerjasama untuk pem-bangunan negara dan ekonomi terutama menggalakkan rakyat miskin menyertai ber-bagai bidang bagi merebut kekayaan negara tetapi mereka tidak diberi peluang menyer-tainya dalam apa-apa bidang pun. Contohnya rakyat miskin biasanya berkehendakkan tanah untuk diusahakan tetapi tidak di-keluarkan dan kalau ada yang memohon tidak berjawab hingga bertahun-tahun. Tetapi ada pihak-pihak tertentu yang meng-ambil kesempatan telah dapat tanah dari-pada tanah yang telah diminta oleh si miskin tadi. Oleh itu saya tidak hairan ramai rakyat

negeri ini menggunakan tanah-tanah Kera-jaan walau dengan apa pun dan ada di antaranya mengambil kesempatan untuk ke-pentingan dirinya sendiri dengan mengena-kan sekian-sekian bayaran tertentu supaya orang-orang miskin ini boleh mengusahakan tanah-tanah Rizab Kerajaan Negeri. Jika di-tinjau di Pejabat-pejabat Tanah menyatakan kurang kakitangan tetapi bila rakyat pergi ke pejabat-pejabat berkenaan ramai daripada kakitangan itu masih berbual-bual di antara satu dengan lain dan ada di antaranya yang menggunakan talipon sehingga hampir setengah jam dan bertanya pula fail itu ada di antara fail-fail yang si miskin ini jadi hilang entah ke mana. Bila dibuat teguran di Parlimen, pegawai-pegawai kanan ditukarkan pegawai-pegawai yang bertugas menguruskan itu tetap menjalankan kegiatannya terus-menerus. Oleh yang demikian di Dewan yang mulia ini saya suka mencadangkan kepada pihak yang berkenaan supaya satu sistem perjalanan fail patut disediakan dan ditentu-kan tempoh masanya untuk diselesaikan dengan segera dan tidak akan berlaku tanah yang diusahakan oleh si miskin diperolehi hak miliknya oleh si kaya dan pada sekeping tanah yang telah dikeluarkan hak miliknya kepada si kaya yang mana tanah ini diusaha-kan oleh si miskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya begitu penuh harapan jika benar-benar pihak Kerajaan yang ada pada hari ini untuk memajukan rakyat desa bagi membaiki taraf hidup mereka dari semasa ke semasa untuk sesuatu tujuan yang baik kerana rakyat di desa ini bukan semuanya mengerti dan faham untuk memajukan diri mereka ataupun kawasan mereka. Tetapi syukur pihak Kerajaan telah menyediakan satu badan bagi memajukan bidang pertanian di desa-desa. Untuk perlak-sanaan ini dapatlah diselaraskan kepada semua pihak di peringkat pegawai-pegawai yang ada hubungannya untuk memajukan petani-petani di desa. Satu susunan pegawai-pegawai yang berhasrat untuk memajukan petani-petani boleh disatukan pada tiap-tiap daerah membolehkan semua pegawai ini ber-gerak merupakan satu jentera bagi tempat ataupun tugasnya masing-masing. Katakan-lah untuk memajukan satu kawasan pertanian yang telah terbiar lama tidak ada badan untuk mengusahakannya ataupun tidak ada badan yang sanggup mengusahakannya atau-pun ada badan yang sanggup mengusahakan-nya tetapi tidak memberikan kepastian

sehingga dua tiga tahun. Kalau badan ini tidak sanggup, jawablah tidak sanggup. Seumpama saya tegaskan FELCRA misalnya telah memberikan jawapan untuk memajukan tanah di suatu kawasan pada tahun 1975 tetapi sehingga tahun 1976 tidak dengar beritanya. Saya suka menegaskan di Dewan yang mulia ini berikanlah jawapan kepada mereka yang memohon bahawa permohonan tuan-tuan itu telah ditolak. Senang pada mereka yang berkenaan dan mereka tidak lagi bertanya sesuatu kepada saya sebagai mewakili mereka.

Pengurusan kawasan kepada petani-petani kalau kawasan itu mempunyai keperluan taliair maka pihak Jabatan Parit dan Taliair mestilah duduk di kawasan itu dan memberikan pandangan dan perkhidmatan dengan baik. Begitu juga pegawai FAMA mesti duduk di kawasan itu bagi menentukan penghasilan pengeluaran pertaniannya bukan letakkan seorang pegawai FAMA untuk mengawasi keluasan daerah sehingga 100 batu persegi dan mempunyai tiga atau empat batang sungai yang mesti diseberangkan. Begitu juga pegawai MARDI. Pegawai MARDI mestilah biar betul-betul pergi ke kawasan petani-petani bukan ke kawasan ladang-ladang yang besar. Kalaulah amalan ini terus dibuat maka saya tidak nampak bahawa rakyat yang perlukan perkhidmatan ini boleh memperbaiki hidup mereka. Jadi seolah-olahnya benarlah seumpama kata perpatah: menambah bukit yang telah tinggi, dan sebaik-baiknya pegawai-pegawai yang ada hubungan ini biarlah turun pergi ke tempat-tempat yang dilaksanakan satu-satu rancangan bukan menerima laporan daripada pegawai-pegawai rendah supaya dapat menghasilkan hasil pertanian yang baik pada petani-petani di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya tegas-kan di Dewan ini maju mundur selamat tidaknya negeri ini untuk memajukan rakyat hendaklah bersefahaman pada semua pihak baik Menteri, pegawai-pegawai tinggi Kerajaan, pegawai-pegawai kanan negeri, daerah ataupun mukim dan tidak pula membuat sesuatu keputusan untuk pembangunan masyarakat negara kepada kepentingan golongan yang tertentu sahaja.

5.41 ptg.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua,

saya bangun menyokong penuh usul yang dibawa terhadap Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari kelmarin dan saya ingin menyebut satu dua perkara yang difikirkan penting untuk masa hadapan kita bersama bagi kelicinan Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, satu masaalah besar yang dirasakan oleh semua peringkat sekarang ialah masaalah keselamatan. Keselamatan yang mulai dirasa terjejas dan terganggu. Mengikut adat Allah terhadap makhluknya atau disebut mengikut hukum Allah bahawa sebarang perkara yang berlaku cacat dan jejas, baik pun ke atas orang perseorangan ataupun ke atas sebuah negara mesti ada sebab-sebabnya, mesti ada puncanya kecacatan ini boleh berlaku. Seperti juga masaalah teruk atau tidaknya kecacatan itu terhenti di atas penjagaan dan kecuaiannya masing-masing. Sekarang penyakit yang menggugat keselamatan kita sekarang yang disebut-sebut sekali-sekala sebagai boleh dikawal dan sekali-sekala disebut sebagai serious bererti penyakit keselamatan ini bukan bermula sehari dua ini sahaja tetapi telah lama menular dan telah dicuainya rawatannya. Boleh jadi bermula setahun dua dahulu dan boleh jadi juga 10-20 tahun dahulu atau lebih. Walau bagaimanapun sebahagian besar penyakit-penyakit keselamatan sekarang ialah dari jenis penyakit dalam, penyakit batin, penyakit rohani yang dikenali dengan nama kominis, penyalahgunaan dadah dan sebagainya yang berekoran dengan menggunakan kekerasan, kekejaman dengan sendirinya menimbulkan rasa takut, gelisah dan tidak tenang dalam masyarakat. Ubat atau rawatan yang selalu disebut-sebut bahkan semakin lantang disebut sehari dua ini khasnya selepas 13 Mei ialah Islam. Ada yang menyebut bahawa kalau tidak dengan sebab Islam kita akan menghadapi kehancuran. Ada yang menyebut bahawa Islam mesti dijadikan dasar ideologi negara dan baru-baru ini kita diperdengarkan lagi bahawa Islam mesti dijadikan alat ketahanan nasional dan ada bermacam-macam lagi yang semuanya keluar dari mulut pemimpin-pemimpin tanahair kita belaka. Apa yang saya hendak sebut dan hendak bertanya sedikit iaitu sejauh manakah ke-sungguhan dan keikhlasan hati putih mereka dalam melaksana dan mengimplimentasi kata-kata itu kerana setiap perkataan pemimpin itu didengari oleh rakyat dan diperhatikan oleh rakyat lebih-lebih lagi dalam

perkara yang bersangkutan-paut dengan agama. Kita tahu bahawa Islam adalah ajaran langit untuk manusia di bumi, oleh kerana tukang yang membuat langit itu satu sahaja dengan tukang yang membuat bumi dan penghuninya maka dengan secara otomatis ajaran dialah yang betul-betul sesuai untuk segala-galanya termasuklah untuk keselamatan kita bersama.

Soalnya, kenapakah suara-suara lantang berkehendakkan Islam hanya baru timbul sehari dua dan setahun dua ini sahaja, sedangkan Islam adalah sama jadi dengan alam semesta ini. Inipun satu tandatanya yang dipersoalkan tentang ikhlas atau tidaknya laungan-laungan kita tadi. Lebih-lebih lagi saya menyoal kenapa Yayasan Tun Haji Abdul Razak yang baru sahaja tumbuh sehari dua ini telah begitu cepat mendapat sokongan moral dan material, sedangkan Yayasan Dakwah Islam, Pusat Islam dan sebagainya yang telah lama ditubuhkan itu masih terumbang-ambing baik dari segi apapun—baik dari segi moral atau material. Yayasan ini hanya mendapat kuah-kuah sahaja dari hasil kekayaan bumi Malaysia kita. Itupun boleh jadi kerana tuah sahsiah dan tuah personality Tan Sri Timbalan Yang di-Pertua Dewan ini yang dilantik menjadi Pengerusi Yayasan Dakwah. Kita terpaksa menyebut-nyebut bantuan Yayasan Dakwah akan dibiayai oleh negara Arab itu dan negara Arab ini laksana kita di sini sedang bekerja untuk orang Arab atau seakan-akan Islam itu hak punya orang Arab dan kita sebagai sub-agent mereka. Kedudukan yang seperti ini menambahkan lagi kekusutan dan komplikasi dalam negeri sendiri kerana Tuan Yang di-Pertua, dakwah hari ini telah berjalan lancar, baik melalui Yayasan kita ini atau melalui badan-badan persendirian dengan secara rasmi atau secara individu. Kebetulan tugas pendakwah, baik dakwah yang dibiayai oleh Yayasan ataupun Kerajaan ialah amrum bil makruf nahjun anil mungkar—menyeru manusia berbuat perkara baik dan melarang manusia membuat perkara buruk. Maka apabila kesedaran rakyat di atas konsep al amru ini telah menjadi lebih terkehadapan daripada kesedaran golongan pemimpin sendiri, maka rasa tidak puas hati mesti timbul lagi di samping rasa tidak puas hati yang sedia ada di kalangan pegganas kominis dan golongan-golongan lain. Ketika itu bebanan Kerajaan akan bertambah berat bukan dari hari ke

hari bahkan minit ke minit dan di saat itu, Tuan Yang di-Pertua, tidak mustahil akan berlaku penggabungan dua golongan yang tidak puas hati ini, dipohon dijauhi oleh Allah yang rahman rahim dari berlakunya keburukan-keburukan ini di antara kita.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah hendaknya kita melaung-laungkan Islam sebagai satu usaha membendung dan meredakan sedikit kemahuan rakyat yang benar-benar sedang berkehendakkan Islam sekarang lalu kitapun melaung sama bahawa pemerintah pun mahu Islam juga, sedangkan usaha menentang rasuah baru sahaja sehari dua ini sahaja timbul ke permukaan masyarakat secara besar-besaran, itupun setelah kita ditegur begitu hebat dalam Dewan ini di Persidangan yang lepas.

Minuman arak juga masih luas terbuka dan begitu bebas untuk siapa sahaja yang berselera, sedangkan Islam sendiri melaungkan ajarannya semenjak beribu tahun dahulu bahawa arak ialah umul habais ibu segala bencana, sumber segala keburukan, keburukan tubuh, keburukan rumah tangga, keburukan ekonomi dan berjangkit menjadi keburukan negara yang menelurkan rasuah, zina, rogol, menyapakan wang negara dan sebagainya. Hasil dari tidak perseimbangan di antara laungan dan perlaksanaan ini maka timbullah pendakwah-pendakwah yang secara lantang meluahkan rasa benci kepada Kerajaan, memuntahkan rasa dendam dan benci hati secara terbuka terhadap kita golongan pemerintah dan kita hanya akan menuduh mereka menyalahgunakan bidang dakwah, bertopengkan agama dan sebagainya, yang kesannya tambah meluaskan lagi rasa pedih mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membetulkan semula keselamatan negara yang telah diancam sekarang maka perlaksanaan laungan supaya Islam menjadi ideologi negara mesti dilakukan dengan penuh ikhlas dan jelas. Laungan Islam sebagai alat ketahanan nasional bahkan alat ketahanan iman mesti ditunjukkan dengan ikhlas dan jelas. Sudah berlalu masanya pemimpin-pemimpin kita melaung-laungkan perkara yang hanya boleh ditelan oleh rakyat bawahan sahaja.

Akhirnya, saya berkata bahawa boleh jadi kelambatan perlaksanaan ini berpunca dari kebimbangan kita takut-takut akan menjadi

penghalang bagi meneruskan kepuasan nafsu sendiri yang masih menjadi pujaan di setengah-tengah kalangan kita di sini.

5.48 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang mana Baginda telah bertitah mengenai rancangan-rancangan Kerajaan untuk menunaikan hasrat dan aspirasi rakyat.

Di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda ada menyatakan bahawa Kerajaan Baginda akan melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga dalam bulan Julai tahun ini dan mengikut Seri Paduka Baginda tujuan rancangan ini ialah untuk mencapai perpaduan rakyat dan membina ketahanan (resilience) di kalangan mereka dalam menghadapi cabaran khususnya cabaran keselamatan. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda juga ada mengatakan Kerajaan akan menyediakan peluang-peluang terutama sekali untuk rakyat yang miskin dan rakyat mesti sanggup menukar sikap dan melatih diri dan merebut peluang-peluang ini supaya kehidupan mereka menjadi lebih sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, sementara saya bersetuju dengan tujuan seperti yang terkandung di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda walau bagaimanapun adalah mustahak yang tujuan-tujuan itu tidak sahaja timbul dalam kertas dan dipandang sungguh menarik kepada rakyat tetapi ia mesti dilakukan dengan jujur dan adil bagi faedah rakyat Malaysia yang berbilang bangsa ini.

Sungguhpun saya tertarik hati dengan persediaan dan kesanggupan Kerajaan untuk menolong orang miskin. Akan tetapi saya dapati bahawa ini hanya dilaungkan sahaja dan orang yang miskin masih tinggal dalam kemiskinan. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa di dalam negara kita hari ini yang miskin telah menjadi lebih miskin dan yang kaya menjadi lebih kaya. Dan jurang di antara golongan yang berada dan golongan yang tidak berada pun telah bertambah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kemiskinan merupakan satu masalah yang serius pada hari ini dan yang sebenarnya telah

timbul bukan sahaja di luar bandar tetapi juga di bandar. Kemiskinan ini meliputi semua golongan rakyat tanpa mengira bangsa. Yang sebenarnya masalah kemiskinan telah menjadi masalah pertama yang penting di negara kita dan sekiranya tidak dilancarkan cara-cara yang berkesan dan efektif bagi menghadapi masalah ini dan mengatasinya tentu ia akan membangkitkan banyak masalah lain di dalam negara kita dari segi sosial, ekonomi begitu juga keselamatan. Kerajaan selalu menyatakan Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dilaksanakan tidak berapa lama lagi ialah untuk membasmi kemiskinan dan mencapai perpaduan di antara rakyat, tetapi seperti saya katakan dari awal ialah ini jangan hanya diperkatakan sahaja tetapi dipertunjukkan dan dilaksanakan dengan semangat jujunya. Apabila Kerajaan melancarkan Rancangan Malaysia Kedua ia pun bertujuan untuk membasmi kemiskinan, tetapi malangnya masalah ini bukan sahaja tidak dapat diatasi tetapi sebaliknya telah bertambah buruk lagi. Oleh itu adalah menjadi harapan kami yang Rancangan Malaysia Ketiga tidak hanya dilaungkan tetapi ianya mesti dilaksanakan dengan jujur dan bersungguh-sungguh bagi membasmi kemiskinan dan membantu menyelesaikan masalah-masalah sosio-ekonomi yang dihadapi oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia pada hari ini adalah menghadapi masalah sosio-ekonomi yang serius yang mana ia berkehendakkan penyelesaian dengan segera sekiranya rakyat dapat hidup dengan adil dan saksama. Jadi tidak payah bagi saya menegaskan samada negara kita dapat mencapai keamanan dan kestabilan dan bergantung kepada samada kita dapat menyelesaikan kehendak-kehendak sosio-ekonomi yang asas.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda telah berucap mengenai keselamatan yang menjadi masalah besar di negara kita hari ini. Tidak sesiapa pun boleh menafikan betapa pentingnya keselamatan bagi negara ini di dalam proses pembangunan dan membantu mencapai matlamat dan hasrat negara kita. Walau bagaimanapun keselamatan adalah satu perkara yang tidak boleh dilaksanakan dengan mengadakan undang-undang sahaja, tetapi melalui usaha melaksanakan pembentukan negara dengan cara adil. Selain

daripada itu perpaduan di negara kita tidak dapat diwujudkan melalui undang-undang tetapi melalui cara memberi persamaan dan keadilan kepada rakyat dan membuat mereka rasa bahawa mereka mempunyai habuan yang saksama di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan, perpaduan dan kestabilan adalah faktor-faktor yang penting bagi pembangunan negara kita. Dan ketiga faktor ini hanya dapat dicapai dengan memikat hati dan fikiran rakyat melalui perubahan dasar-dasar Kerajaan yang boleh mendapat sokongan rakyat. Negara tidak boleh selamat sekiranya rakyat tidak bersatu-padu dan tanpa perpaduan rakyat berapa besar pasukan keselamatan di dalam negara yang kita ada tidak akan berupaya menentang musuh kita. Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini adalah mustahak bagi Kerajaan membimbing keselamatan kita melalui kejayaan perpaduan negara—iaitu perpaduan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa. Dan tidak ada jalan lain yang baik untuk mengadakan perpaduan rakyat melainkan Kerajaan memahami masalah-masalah asas sosio-ekonomi rakyat Malaysia dan berazam jujur ke arah penyelesaian masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kepada rakyat negara ini yang penting sekali ialah menyediakan makanan, pakaian dan tempat tinggal. Apabila keperluan-keperluan asas rakyat ini tidak dilayani adalah mustahil meminta rakyat bekerjasama menjaga keselamatan negara. Adalah hasrat kami supaya keperluan-keperluan asas rakyat untuk hidup mestilah diutamakan sebelum mereka diminta berkorban dan mati untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, kami tidak ragu-ragu lagi sekiranya tiap-tiap rakyat di negara ini mencukupi untuk makan, berpakaian dan tempat tinggal terutama sekali sekiranya mereka berasa yang mereka mempunyai sama hak di negara ini dan dikenali dengan kemajuan negara maka tiap-tiap seorang daripada mereka dapat memainkan peranan yang berkesan di dalam mempertahankan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan dengan kesalnya bahawa berikutan dengan rombakan Kabinet baru-baru ini Kementerian Penyelidikan Sosio-ekonomi dan Perancangan Am telah diketepi dan sebagai ganti ianya diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya tidaklah meragukan

kecekapan Jabatan Perdana Menteri, walau bagaimanapun adalah pandangan saya bahawa Kementerian itu sepatutnya diwujudkan dan diberi bantuan yang besar di dalam memperhebatkan penyelidikan sosio-ekonomi di negara ini. Semasa negara dan rakyat kita menghadapi berbagai masalah sosio-ekonomi adalah lojik bagi Kerajaan memperhebatkan penyelidikan sosio-ekonomi untuk mengenal dengan baik dan berkesan keperluan-keperluan rakyatnya. Dengan penyelidikan yang sempurna dan wajar dijalankan ke atas berbagai masalah rakyat ianya akan dapat membantu Kerajaan di dalam merancang bagi keperluan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah seperti perumahan bagi orang miskin dan golongan pendapatan rendah, masalah pemberian tanah kepada orang-orang yang tidak bertanah untuk bercucuk tanam dan berternak, masalah memperbaiki taraf hidup setinggan-setinggan di kampung-kampung dan kampung-kampung baru, masalah membantu menyenang penjaja-penjaja di pekan mencari sara hidup, masalah-masalah menyediakan peluang pekerjaan kepada penganggur-penganggur dan juga projek-projek sosial dan ekonomi patut diberi perhatian dan diselesaikan dengan cepat bagi kepentingan rakyat dan negara, terutama sekali masalah-masalah yang wujud di Wilayah Persekutuan pada masa ini adalah berupa masalah sosio-ekonomi juga. Perumahan ialah masalah yang sangat rumit hari ini, oleh kerana terdapat 15,000 permohonan-permohonan dari golongan berpendapatan rendah yang masih berada dalam senarai menunggu untuk mendapat rumah-rumah pangsa harga murah. Setinggan-setinggan yang berjumlah 1/3 daripada penduduk Wilayah Persekutuan juga menghadapi masalah keusiran daripada rumah setinggan tanpa diberi tempat tinggal yang memuaskan. Penjaja-penjaja masih lagi diusir bila mereka enggan berpindah ke tapak-tapak yang telah disediakan oleh Dewan Bandaraya yang mana tidak sesuai untuk menjaja. Penyewa-penyewa yang berpendapatan rendah yang tinggal di bandar Kuala Lumpur masih lagi menghadapi kenaikan sewa terlalu tinggi yang mendatangkan kesusahan, tetapi Kerajaan tidak buat apa-apa untuk menolong mereka mengatasi kesusahan itu.

Ada beberapa lagi masalah yang lain tetapi apa yang saya sebutkan tadi adalah

masaalah-masaalah serius yang memerlukan tindakan segera dari Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan penyelidikan sosio-ekonomi saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan Biro Pengaduan Awam. Kita faham bahawa Biro Pengaduan Awam ini adalah memainkan satu peranan yang sangat penting untuk menyalurkan balik pandangan-pandangan orang ramai kepada dasar-dasar Kerajaan serta menolong orang ramai untuk mencari penyelesaian terhadap berbagai masaalah yang mereka hadapi berkenaan dengan pentadbiran Kerajaan. Sungguhpun saya mengakui betapa pentingnya peranan yang dimainkan oleh Biro ini, saya dapati bahawa Biro ini tidak diberikan kekuasaan yang sepenuhnya untuk membolehkan mereka melaksanakan fungsinya dengan lebih berkesan dalam menyelesaikan aduan daripada orang ramai. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan bahawa Biro ini hendaklah diberikan kuasa yang sepenuhnya supaya Biro ini dapat memperolehi kerjasama-kerjasama yang dikehendaki dari kesemua Kementerian-kementerian, Kerajaan Negeri dan lain-lain Jabatan yang berkenaan untuk menjalankan tanggungjawabnya.

6.15 ptg.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze (Padawan):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh. Saya suka mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih bagi pihak penduduk negeri Sarawak kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga Kerajaan Pusat di atas cadangan hendak menambahkan bantuan kewangan kepada negeri-negeri yang kurang berkemajuan seperti negeri Sarawak. Kami mendapat tahu bahawa satu rumusan atau formula baru berkenaan dengan tambahan bantuan ini telah dibuat.

(Dengan izin) We await eagerly to see what the formula will be. I trust that the planners dealing with the formula would keep the development in economic and social sectors in proper proportion and set the priorities correctly.

Tuan Yang di-Pertua, as far as Sarawak is concerned, very little development can take place unless the basic and necessary infrastructures for development are provided.

Infrastructure such as communication must head the list. Communication, we know, includes roads, sea ports, river ports, airports and air-strips. And roads mean highways, feeder roads, rural roads, jeep tracks and foot paths. All these are sadly lacking in Sarawak which has a large area of nearly 50,000 square miles which is just about the size of the whole of Peninsular Malaysia.

Take, for instance, my constituency of Padawan. It has an area of over 400 square miles. Its boundary is 7 miles from Kuching, the Capital of the State, but we have only about 80 miles of all weather roads, of which only 30-odd miles are bitumenised and surfaced. Tuan Yang di-Pertua, you can see how backward is the communication system in this constituency; yet there are other areas and other constituencies which are worse than this.

Tuan Yang di-Pertua, we all understand that road constructions which will invariably include bridges and culverts, are expensive and when the kampungs are scattered far and wide it may not be economical to spend large sums of money. However, this problem can be overcome, I think, by inducing the people in the scattered kampungs or hamlets to regroup in a more central and convenient locality. The Government must find incentives for the people to move in, and we must accept the fact that people are not prepared to leave their own kampungs unless they are convinced that the move will be to their advantage and in their interest. What better inducements and encouragements for these people can there be other than the prospects of having facilities of good communications, having a clinic, schools, a police pondok, community halls and others to be provided for them? In other words, if a suitable locality can be identified and taken over by the Government for the new settlement area where a proper road can be constructed to this place and other facilities mentioned above duly provided, then the regrouping exercise is certain of success. I commend this, Tuan Yang di-Pertua, to be done in respect of certain areas in Sarawak or other States in which there are security or insurgency problems. The regrouping and settlement will ensure security protection, not to mention the creation of a more viable economic unit. That will go a long way to improve the standard of living of the people; in the process poverty may eventually be eradicated. The exercise

may involve purchase of land by Government. The State Government may not have the funds for it; then may I suggest the Federal Government make it available by means of loan or grants. This can be an investment because Government can recover expenditure directly from land premium and land rental and indirectly from taxes or other revenues which would be accrued through increased production.

Tuan Yang di-Pertua, His Majesty has referred to the Third Malaysia Plan and the objectives. We, therefore, have set high hopes on it. However, we may recall that the objectives of the Second Malaysia Plan and the New Economic Policy are also to eradicate poverty and to adjust the economic imbalance obtaining in our society. I wonder how much has been achieved in this field. Has the gap between the "haves" and the "have-nots" been narrowed as hoped or widened? While the policies and objectives are plausible and good, I fear the implementation thereof has left much to be desired. I have, when the First Malaysia Plan was introduced, stated in this august House that poverty is no respecter of race. May I now add and say that poverty is not the prerogative of the rural people but is equally to be found in towns.

Tuan Yang di-Pertua, we must as loyal citizens rally to the call for national unity to ensure national security but words alone are not enough. They must be followed by action. Unfortunately, there are many people who are afflicted by the disease diagnosed as "tidak-apathy". Those people need to be shaken up, no doubt, but perhaps many of them behave as they do because they feel they have no stake in the country. Can we blame the poor, the destitute and the landless farmers for feeling this way? The Government has talked often of building low-cost houses for the low income group. So far very little has been accomplished. What is holding it up? Surely low-cost housing will not cost Government too much money because the owners will have to pay for them even by easy instalment terms. If every family has a house of its own, surely it is incentive enough to protect it. The house belongs to him and a sense of belonging to the nation is thereby established. That is a stake in the country.

Tuan Yang di-Pertua, it seems incredible, but it is true that we have the problem of

landless farmers in the country and, of all places, in Sarawak. There have also been under-utilisation and improper use of land which result in poor rate of production. The State Government has been aware of the problems and, at the last meeting of the Undangan Negeri, has introduced a Bill to set up an agency called SALCRA (Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority) which will help open up more native customary and native interior lands. This measure taken by the State Government may be the first step in making more land available for production and ensuring more income to the native land owners. The only reservation we have is whether such an Authority will be too large as to become impersonal which may be ineffective in the task of launching any land schemes for the native owners.

Tuan Yang di-Pertua, the majority of landless farmers are Chinese. They have proved to be good farmers and their productions have contributed greatly to national wealth. Their plight, therefore, deserves our sympathy. The Government should consider buying up land and allot small lots to them on such terms as may be imposed including the payment of land rent and premium. The capital outlay expended by Government can be recovered eventually. Again the Federal Government may advance or lend to the State Government the necessary funds for that purpose. With a stake in the land and in the country, these farmers will not likely fall victims to the propaganda of the anti-national elements or join in any subversive activities. On the other hand, they can be mobilised into a force as a vanguard against the enemy to safeguard our national security.

6.15 ptg.

Tuan Chin Hon Ngian (Rengam): Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah atas Titah Ucapan Di Raja yang telahpun dilafazkan dua hari yang lalu. Saya sokong penuh usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh.

Memang benar bahawa negara kita yang mengandungi berbagai kaum sedang menghadapi cabaran daripada pengganas-pengganas komunis dan anasir-anasir antinasional yang ingin membinasakan sistem demokrasi berparlimen yang kita nikmati

sekarang dan merampas kuasa Kerajaan melalui paksaan atau kekerasan. Pengkhianat-pengkhianat itu berharap bahawa mereka akan berjaya dengan mewujudkan perasaan tidak harmoni, tidak amanah dan tidak percaya antara satu kaum dengan kaum yang lain tetapi struktur masyarakat kita memang mempunyai beberapa kelemahan bagi musuh kita untuk mempergunakan atau mengeksploitkan supaya mereka dapat mencapai hasratnya yang jahat itu. Rakyat kita yang taat setia mestilah melengkapkan diri sendiri untuk menghadapi cabaran itu. Oleh yang demikian, saya merasa sukacita kerana Kerajaan kita akan melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga tidak lama lagi di mana matlamat Rancangan itu antara lain ialah untuk mencapai perpaduan rakyat berbilang kaum. Ini bermakna bahawa faedah-faedah yang diwujudkan dapat disampaikan kepada semua lapisan rakyat terutamanya kepada rakyat dari golongan yang tidak berada, tidak kira samada mereka duduk di luar bandar ataupun di kampung-kampung baru ataupun di bandar. Adalah ditegaskan di sini iaitu apa yang perlu dan penting sekarang ialah faedah-faedah dan kemudahan-kemudahan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dinikmati oleh mereka yang benar-benar memerlukannya.

Selain daripada apa yang saya sebutkan tadi, pelajaran juga memainkan peranan yang amat penting untuk menyatupadukan rakyat kita. Status Bahasa Melayu sebagai bahasa nasional telahpun mendapat jaminan dalam Perlembagaan kita, tetapi Perkara 152 dalam Perlembagaan kita juga memperuntukkan dan menjamin pengajaran dan pelajaran bahasa-bahasa yang lain. Saya merasa sukacita dan gembira bahawa Kerajaan sentiasa sanggup bukan sahaja membenarkan bahkan membantu dengan aktifnya mereka yang ingin belajar bahasa ibunda sendiri. Apa yang kita memerlukan sekarang ialah approach yang lebih liberal sedikit atas penaksiran atau interpretasi Perkara 152 Perlembagaan kita oleh pihak yang berkuasa dalam pelaksanaan Dasar Pelajaran yang kita ada ini. Di dalam bidang pekerjaan saya merasa gembira juga bahawa Kerajaan akan menyediakan peluang-peluang latihan bagi rakyat yang miskin supaya mereka menjadi pekerja-pekerja yang mahir dan berguna supaya mereka yang berlatih dapat memenuhi kekosongan-kekosongan kerja yang akan diwujudkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga kelak. Tetapi saya kesal bahawa gaji-gaji

yang diterima oleh pekerja-pekerja atau buruh-buruh masih rendah sangat dan saya harap Kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki kedudukan yang tidak sihat ini supaya gaji-gaji yang sangat rendah itu dapat dinaikkan sekurang-kurangnya seimbang dengan kos kehidupan pada masa sekarang supaya beban yang berat yang dipikul oleh rakyat yang berpendapatan rendah yang dapat diringkaskan.

Tuan Yang di-Pertua, jangan kita lupakan iaitu "a hungry man is an angry man" jika kita boleh jaya dalam perkara ini maka kita akan jaya juga dalam usaha kita untuk menyatu-padukan rakyat kita terhadap cabaran daripada komunis. Kebanyakan rakyat di negara kita ini mengakui bahawa Kerajaan bertanggungjawab untuk meninggikan taraf hidup atau kedudukan bumiputra tetapi adalah diharap-harapkan iaitu kepentingan-kepentingan sah kaum-kaum yang lain dapat juga dipelihara.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan penuh yakin bahawa dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga yang akan datang ini Kerajaan akan melucutkan segala kekhuatiran dan kebimbangan yang barangkali akan timbul dan dirasakan oleh golongan tertentu dalam masyarakat kita dari semasa ke semasa.

6.25 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong di dalam Parlimen ini dua hari yang lalu dan mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri kita yang baharu dan tahniah kepada Jemaah Menteri yang kita penuh harapan perubahan-perubahan besar akan di perolehi dalam masa pentadbirannya yang mana semuanya itu akan memberi faedah yang besar kepada rakyat jelata. Walaupun ucapan Baginda begitu ringkas tetapi mengandungi perkara-perkara yang besar terutama sekali berkenaan dengan keselamatan dan kebajikan rakyat.

Saya suka menyentuh dalam perkara keselamatan ini yang mana hampir-hampir sebahagian besar atau separuh daripada Titah Baginda itu menyentuh berkenaan dengan keselamatan sehingga Baginda menegaskan tanpa keselamatan segala kemajuan, segala rancangan Kerajaan tidak akan berguna, tetapi kita harus ingat siapa agaknya

yang hendak menjaga keselamatan negara kita. Benar rakyat diminta melibatkan diri, tetapi rakyat tidak akan boleh berbuat apa-apa kalau sekiranya musuh yang kita hadapi, kominis itu datang dengan bersenjata, berti kita terpaksa melawan mereka itu dengan senjata kita juga. Kalau mereka melawan dengan senjata yang moden, kita harus lebih moden daripada mereka. Dan kita tahu bahawa orang-orang yang terlibat dengan menjaga keselamatan negara kita yang besarnya sekali ialah Pasukan Keselamatan. Kita tahu mereka memberi pengorbanan nyawa kepada tanahair kita daripada zaman berzaman. Tetapi kita harus ingat bahawa Pasukan Keselamatan, Polis dan Tentera kita ialah manusia biasa, manusia yang berkehendakkan kepada hidup yang agak sepadan dengan pengorbanannya, hidup yang agak baik sedikit untuk menjaga anak isteri dan rumahtangganya kerana mereka bukan Malaikat yang boleh kita arahkan mereka berkorban nyawa, tetapi tidak memikirkan kebajikan yang diterima oleh mereka. Yang saya maksudkan ialah berkenaan dengan layanan gaji terhadap Pasukan Keselamatan kita.

Saya sungguh tertarik hati tatkala Perdana Menteri kita yang baharu Yang Amat Berhormat Datuk Hussein memegang jawatannya menegaskan bahawa Kerajaan akan seberapa daya yang boleh membaiki sekim gaji Pasukan Keselamatan dengan memberi sekim-sekim gaji yang baharu dan memberi harapan yang besar kepada Pasukan Bersenjata kita untuk mendapat sedikit penambahan gaji yang selama ini kita nampak tidak begitu sesuai dengan apa yang kita minta pengorbanan daripada mereka. Sungguh pun gaji Pasukan Keselamatan telah kita dengar beberapa lama yang lepas hendak direvisikan dan dibaiki, tetapi hingga hari

ini kita belum nampak natijahnya lagi. Saya harap dengan susunan Kabinet baharu, pemimpin baharu dapat dikeluarkan segera satu susunan tanggagaji baharu bagi Pasukan Keselamatan yang sepadan dengan pengorbanan mereka. Boleh jadi gaji atau tanggagaji ini di dalam penyusunan dan akan diserahkan kepada pihak Kerajaan dan kita tahu bahawa pihak Kerajaan yang bertanggungjawab menimbangkan masaalah gaji ialah Perkhidmatan Awam juga tidak lari daripada private daripada seorang askar Suruhanjaya Perkhidmatan Awam memandangkan dengan rational dengan teliti, dan dengan halus dalam menimbangkan, menyusun gaji Pasukan Keselamatan ini tidaklah padankan ataupun dibandingkan dengan kelulusan-kelulusan professional atau kelulusan akademik dalam jawatan Perkhidmatan Awam, kerana kita tahu anggota Tentera, anggota Pasukan Keselamatan mereka naik daripada private daripada seorang askar biasa dengan tekunnya, dengan dedikasinya dan dengan kecekapan pahlawannya mereka akan naik setingkat demi setingkat sampai kepada seorang Brigade-General atau General

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, panjang lagi hendak bercakap?

Tuan Embong bin Yahya: Ya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh sambung esok.

Majlis Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.